

-
- Title** : Etika/Moral dan Kerohanian Keperbagaian Keagamaan dalam Paradigma Cina
- Author(s)** : Cheow Seok Li
- Institution** : School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia
- Category** : Article
- Topic** : Culture, Multiculture, Ethnic
- Publisher** :

SKW 320
Falsafah Penyelidikan Sains Sosial

TUGASAN 4
TUGASAN PEMETAAN ONTOLOGI 2003
TAJUK 11
ETIKA/MORAL DAN KEROHANIAN
KEPERBAGAIANKEAGAMAAN DALAM
PARADIGMA CINA

NAMA: CHEOW SEOK LI

NO. IC: 800614-10-5866

NO. MATRIK: 63277/01

NAMA PENSYARAH: DR. REEVANY BUSTAMI

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	Muka Surat
	1
1. PENDAHULUAN	
1.1 Perlunya suatu agama	2
1.2 Kepercayaan orang cina	3
2. PENGENALAN KEPERCAYAAN-KEPERCAYAAN ORANG CINA DI MALAYSIA	
2.1 Agama Daoisme	3
2.2 Agama Confucius	4
2.3 Agama Buddha	6
2.4 Agama Islam	7
2.5 Agama Kristian	7
3. FALSAFAH CONFUCIUS DAN MENGZI	
3.1 Etika dalam institusi / arena Politik	8
3.2 Etika dalam institusi / arena Ekonomi	22
3.3 Etika dalam institusi / arena Keluarga	23
3.4 Etika dalam institusi / arena Agama	27
3.5 Etika dalam institusi / arena Pendidikan	31
3.6 Etika dalam institusi / arena Sosial	39
4. AGAMA DAOISME	
4.1 Etika dalam institusi / arena Agama	42
4.2 Etika dalam institusi / arena Pendidikan	49
4.3 Etika dalam institusi / arena Sosial	54
5. AGAMA BUDDHA	
5.1 Etika dalam institusi / arena Politik	57
5.2 Etika dalam institusi / arena Ekonomi	58
5.3 Etika dalam institusi / arena Keluarga	61
5.4 Etika dalam institusi / arena Agama	62
5.5 Etika dalam institusi / arena Pendidikan	65
5.6 Etika dalam institusi / arena Sosial	71
6. KESIMPULAN DAN KRITIKAN	74
BIBLIOGRAFI	83
LAMPIRAN	85

PENGHARGAAN

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih secara ikhlas kepada pensyarah kami, Dr. Reevany Bustami. Dengan adanya bantuan dan didikan tunjuk ajar beliau, barulah saya dapat menyiapkan projek tugas kedua ini pada masa yang ditetapkan.

Beliau sentiasa memberi prihatin dan mengambil berat terhadap pelajaran kami, khasnya pemikiran kita terhadap falsafah. Di samping itu, beliau juga selalu memberi tunjuk ajar dan cadangan yang baik dan profesional kepada kami. Dengan itu, kami dapat memahami pelajaran kami dengan lebih jelas, lebih mendalam dan lebih terperinci.

Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan USM kerana saya dapat membuat dan melengkapkan projek tugas saya ini dalam makmal komputer yang berhawa dingin dan selesa yang disediakan. Kemudahan-kemudahan dalam komputer seperti menggunakan internet untuk mencari maklumat-maklumat yang tertentu dalam laman web telah banyak membantu saya dalam tugas ini.

Akhirnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa saya yang memberi sokongan kewangan dan semangat bagi saya untuk membuat projek ini serta telah memberikan peluang kepada saya belajar di universiti. Saya juga ingin berterima kasih kepada rakan saya yang bernama Soo Kok Leong kerana beliau banyak membantu saya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan sekelas saya kerana mereka juga banyak memberi bantuan kepada saya. Mereka sering membantu saya untuk menyelesaikan masalah dalam pelajaran dan projek ini dengan membetulkan kesilapan dan memberi penerangan jelas kepada saya.

1. PENDAHULUAN

1.1 PERLUNYA SUATU AGAMA

Untuk memahami tujuan sebenar hidup, seseorang adalah dinasihati supaya memilih dan mengikut satu sistem etika-moral yang menghalang seseorang daripada berbuat jahat, menggalakkannya berbuat baik dan membolehkannya dia menyucikan minda. Pendek kata, sistem ini dipanggil 'agama'.

Agama adalah ekspresi seorang manusia yang berusaha: kuasa teragung seseorang, membawanya ke arah kesedaran diri. Ia berupaya menjadikan seseorang yang bersifat negatif kepada yang berkualiti positif. Ia menjadikan yang keji kepada yang mulia; yang mementingkan diri kepada yang tidak mementingkan diri; yang sompong kepada yang rendah hati; yang angkuh kepada yang sabar; yang tamak menjadi dermawan; yang kejam menjadi yang baik hati; dan yang subjektif kepada yang objektif. Setiap agama walaupun yang tidak sempurna, merupakan lambang yang membawa seseorang ke tahap yang lebih baik. Sejak dahulu agama merupakan sumber inspirasi seni dan kebudayaan manusia. Walaupun banyak jenis agama telah wujud dalam sejarah dan telah lenyap dan dilupai, tetapi setiap agama itu telah memberi sumbangan yang tertentu terhadap kemajuan manusia.

1.2 KEPERCAYAAN ORANG CINA

Bagi kebanyakan orang cina, agama adalah campuran pelbagai Falsafah China. Selain daripada pengikut Kristian dan Islam, agama orang cina menyepadukan fahaman Confucianisme, Daoisme dan Buddhisme.

Confucianisme, Daoisme dan Buddhisme bermula sebagai falsafah. Ajarannya berkait

dengan kehidupan harmoni manusia dengan alam semulajadi. Kemudian ia menjadi agama umum dan dicampur-adukkan sehingga pengikut Daoisme mungkin berkepercayaan Confucianisme dan Buddhisme. Walau bagaimanapun Semua kepercayaan orang Cina menunjukkan persamaan yang nyata iaitu kebaikan pada aspek moral dan akhlak manusia.

Tumpuan ajaran-ajaran kepercayaan orang Cina banyak berkisar di sekitar diri manusia. Oleh itu, konsep ketuhanan bagi kepercayaan orang Cina tidak diberi keutamaan. Tuhan orang Cina dizahirkan dalam bentuk dewa-dewi yang diberikan perwatakan manusia yang mencerminkan kepercayaan mereka yang mementingkan manusia berhubung kebaikan dunia dan akhirat. Ini berbeza dengan agama-agama Masihi seperti Kristian dan Islam yang mengakui kewujudan Tuhan yang satu.

Agama atau kepercayaan bagi masyarakat Cina adalah sesuatu yang personal. Mereka bebas mengamalkan beberapa agama dan kepercayaan sekaligus yang diyakini mereka dapat memberikan kesejahteraan hidup mereka asalkan tidak bercanggah dengan adat dan budaya mereka. Ianya harus sesuai dengan kehendak orang Cina dan tidak menghilangkan identiti mereka.

2. PENGENALAN KEPERCAYAAN-KEPERCAYAAN ORANG CINA DI MALAYSIA

2.1. AGAMA DAOISME

Diasaskan oleh **Lao Tze (Lao Zi)** atau dikenali sebagai guru Tua atau “Tuan Tua”, lahir

pada tahun 604 S.M. Dikatakan berada dalam perut ibunya selama 82 tahun dan dilahirkan dalam keadaan sudah tua.

Nama asalnya **Li Peh Yang, Lao Tze** merupakan gelarannya sebagai orang tua yang bijaksana. Dikatakan beliau hidup hampir dua ratus tahun kerana mengamalkan pemakanan raksa dan bahan campuran lain. Bahan-bahan Daoisme tercatat dalam karya Laozi atau Dao De Jing (Tao Te Ching).

Daoisme mengajar manusia hidup harmoni dengan alam semulajadi. Penganutnya percayakan makhluk ghaib, menggunakan jampi dan mentera, bermeditasi dan berdiet sayur-sayuran. Mereka yakin yang benda-benda ini dapat menolong mencapai keabadian hidup dan dapat hidup bersama alam sejagat.

Ajarannya:

1. Menekankan unsur-unsur primitif untuk mencapai kehidupan yang abadi. Penganut Taoisme perlu bertapa di gua-gua dan gunung-gunung untuk menghapuskan dosa.
 2. Antimaterialisme iaitu penganut diajak meninggalkan hal-hal duniawi supaya memperolehi tempat yang baik pada hari akhirat.
 3. Banyak menggunakan pendekatan batin untuk mewujudkan perpaduan masyarakat.
- Setiap manusia mempunyai satu bentuk tenaga di dalam jiwanya. Tenaga itu hanya boleh dibangkitkan melalui amalan yoga dan meditasi apabila seseorang berjaya mengosongkan fikirannya.

2.2. AGAMA CONFUCIUS

Ajaran Confucius pula bukanlah satu agama tetapi lebih kepada pengajaran falsafah untuk mempertingkatkan moral dan menjaga etika manusia.

Diasaskan oleh **Kong Fu Tze** yang lahir pada tahun 551 S.M oleh ibunya Chiang Tsai yang berumur 70 tahun ketika itu. Seorang yang bijak sejak kecil lagi dan menjadi pegawai kerajaan yang kemudian menjadi guru falsafah moral. Beliau terkenal dengan penyebaran ilmu-ilmu baru ketika berumur 32 tahun. Confucius banyak menulis buku-buku moral, sejarah, kesusasteraan dan falsafah yang banyak diikuti oleh penganut ajarannya. Falsafahnya menjadi tulang belakang pemikiran dan tingkah laku orang cina. Beliau meninggal dunia pada tahun 479 S.M.

Ajarannya:

1. Amat mementingkan akhlak yang mulia dengan menjaga hubungan antara manusia di langit dengan manusia di bumi dengan baik.
2. Penganutnya diajar supaya tetap mengingati nenek moyang seolah-olah roh mereka hadir di dunia ini.
3. Merupakan susunan falsafah & etika yang mengajar bagaimana manusia bertingkah laku. Confucius tidak menghalang orang Cina menyembah keramat dan penunggu tetapi yang dipentingkan ialah setiap manusia perlu berusaha menjadi baik.
4. Menggalakkan minat dalam seni kerana seni boleh merangsang pemikiran.

Ianya dikembangkan oleh muridnya **Mencius (Meng Zi)** ke seluruh China dengan beberapa perubahan. Confucius disembah sebagai seorang dewa dan agama baru tetapi dia sebenarnya adalah manusia biasa. Pengagungan yang luarbiasa kepada Confucius telah menukar falsafahnya menjadi sebuah agama dengan mengadakan perayaan-perayaan tertentu bagi mengenangkannya.

2.3. AGAMA BUDDHA

Agama Buddha lahir di negara India sebagai manifestasi terhadap agama Hindu.

Pengasasnya ialah **Siddhartha Gautama** yang dikenali sebagai **Gautama Buddha** oleh pengikut-pengikutnya. Agama Buddha dibawa ke China melalui Laluan Sutera oleh saudagar-saudagar India. Sami-sami China kemudian menjelajah ke India dan Sri Lanka untuk membawa balik kitab-kitab dan sutra Sanskrit dan menterjemahkannya ke bahasa China untuk penganut-penganut China.

Ajarannya:

1. Tri Ratna (tiga permata) yaitu Buddha, Dharma (ajaran Buddha), dan Sangha (para Bhiksu suci)
2. Empat kebenaran mulia, yaitu:
 1. Kebenaran tentang adanya dukkha (penderitaan)
 2. Kebenaran tentang sebab dukkha
 3. Kebenaran tentang lenyapnya dukkha
 4. Kebenaran tentang jalan menuju lenyapnya dukkha, yaitu Delapan Jalan Utama
3. Delapan Jalan Utama, yaitu
 1. Pengertian benar
 2. Pikiran benar
 3. Ucapan benar
 4. Perbuatan benar
 5. Penghidupan benar
 6. Daya upaya benar

7. Perhatian benar
 8. Samadhi benar
4. Tiga corak umum, yaitu:
 1. Anicca (ketidak kekalan): semua yang berkondisi adalah tidak kekal
 2. Dukkha (penderitaan): semua yang berkondisi adalah penderitaan
 3. Anatta: semua tanpa inti/atta/aku yang tetap/kekal
 5. Hukum karma dan Kelahiran kembali

2.4. AGAMA ISLAM

Orang Cina yang menganut Islam dikenali sebagai mualaf atau saudara baru. Di Malaysia , Islam tidak merupakan agama yang dominan di kalangan masyarakat Cina tetapi di negara China pengikutnya dianggarkan melebihi 60 juta penduduknya. Islam sampai ke China melalui Laluan Sutera bersama-sama saudagar Arab dan Parsi disekitar abad ke-7. Di China, masjidnya dibina untuk beribadat dengan berasaskan ciri-ciri kesenian Cina dan warna merah masih menjadi lambang utamanya.Sekalipun beragama Islam, Cina Muslim di sana masih mengekalkan cara hidup seperti menggunakan penyeprit untuk makan dan berbahasa Mandarin untuk tujuan keagamaan. Di Malaysia , Cina Muslim mengamalkan ciri-ciri dan identiti orang Melayu.

2.5. AGAMA KRISTIAN

Orang Kristian yang paling awal tiba di China pada 735T.M. ialah orang Kristian Nestoria dari Syria. Pada kurun ke-13, golongan Jesuit tiba dengan membawa ilmu sains. Apabila China membuka pintunya selepas Perang Candu, mubaligh-mubaligh Protestan dan Roman Katolik tiba.Kebanyakan anak muda Cina dan generasi yang berpendidikan

tertarik dengan agama Kristian dan konsep ketuhanan yang dibawanya. Pembaharuan dan kebangkitan agama Kristian telah melahirkan unsur-unsur liberal dan toleransi. Walaupun para mubaligh Kristian membuka sekolah, universiti dan hospital, agama Kristian tidak pernah menjadi agama popular di China. Di Malaysia aliran dan mazhab ajaran Kristian yang dianuti oleh orang Cina ialah Protestan dan penganut aliran Katolik berbanding dengan mazhab-mazhab lain yang terlalu kecil jumlahnya.

Kesimpulan Pada prinsipnya orang Cina menganut beberapa agama dan kepercayaan dalam satu masa yang sama. Setiap kepercayaan itu mempunyai pertalian yang rapat antara satu sama lain. Meskipun tiga agama besar iaitu Taoisme atau Confucius, Buddha dan Kristian telah sebat dengan orang Cina tetapi kepercayaan terhadap aliran-aliran lain juga semakin berkembang dalam realiti masa kini. Orang Cina boleh bertolak ansur dan bersedia mengadakan perubahan terhadap amalan beragama mengikut persekitaran masa kini.

3. FALSAFAH CONFUCIUS DAN MENGZI

3.1 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA POLITIK

Confucius berkata:

Pemerindahan sesebuah negara yang mempunyai 1000 kereta perang dan angkatan yang berkuda hendaklah dilaksanakan dengan serius. Dalam menjalankan pemerindahan, pemerindah harus bersikap tegas, memberi kepercayaan, tidak menipu, berjimat cermat da-

lam perbelanjaan, cinta pada manusia, dan mengarah rakyat mengikut masa yang tertentu.¹

Confucius berkata:

Sekiranya undang-undang politik digunakan untuk memimpin rakyat, hukuman digunakan untuk menguruskan rakyat, maka rakyat hanya dapat mengelak daripada membuat kesalahan untuk seketika sahaja. Rakyat sebaliknya tidak mempunyai perasaan malu.

Sekiranya budi pekerti(moral)digunakan untuk memimpin rakyat, pengajaran adat digunakan untuk menguruskan rakyat, maka rakyat bukan sahaja mempunyai perasaan malu, malah hati mereka juga dapat diperindah.²

Duke Ai (494 S.M.- 468 S.M.) dari negeri Lu berkata:

Bagaimakah caranya membentuk rakyat supaya mengikut perindah?

Confucius berkata:

Rakyat akan mengikut perindah sekiranya orang yang jujur diketengahkan dan diberi kedudukan yang lebih tinggi daripada orang yang belot. Sekiranya orang yang belot diketengahkan dan diberi kedudukan yang lebih tinggi daripada orang yang jujur, maka rakyat tidak akan mengikut perintah.³

Lu Ting Gong bertanya:

Bagaimakah seharusnya raja menggunakan pembesarnya, dan bagaimakah seharusnya pembesar berkhidmat untuk raja?

Confucius menjawab:

Raja mesti mengikat adat menggunakan pembesar, dan pembesar seharusnya memberi ketaatan dalam perkhidmatannya untuk raja.⁴

Ji Kang Zi bertanya Confucius tentang politik: Bagaimanakah sekiranya semua orang yang jahat dibunuh dan orang yang baik didampingi?

Confucius menjawab:

Anda mentadbir politik, mengapa mesti melakukan pembunuhan? Anda hanya perlu mentadbir negara dengan baik, pasti rakyat akan mengikut dengan baik juga. Pemimpin ibarat angin, rakyat ibarat rumput, rumput akan mengikut arah tiupan angin.⁵

Duke Zhong yang telah menjadi ketua pegawai di bawah keluarga Ji, lalu bertanya Confucius tentang politik.

Confucius berkata:

Pimpinlah pekerja, jangan begitu mengambil kira tentang kesalahan yang kecil, pilihlah orang yang baik bakatnya.

Duke Zhong bertanya lagi:

Bagaimana hendak mengenali orang yang baik bakatnya dan memilih mereka?

Confucius berkata:

Pilihlah apa yang anda tahu dan mereka yang anda tidak tahu; orang lain tidak akan membiarkan dia terpendam begitu sahaja.⁶

Ketika **Meng Zi** Menghadap raja negeri Liang Hui, **Raja Hui** bertanya:

Orang tua, ribuan batu datang ke mari, adakah apa-apa yang mendatangkan faedah untuk negara saya?

Jawab Meng Zi:

Tuanku, mengapa berbicara tentang faedah? Adanya sifat kasih sayang dan berlaku adil sudah mencukupi.⁷

Maharaja bertanya:

Ada apa-apa yang mendatangkan faedah untuk negara?

Pembesar-pembesar bertanya:

Ada apa-apa yang mendatangkan faedah untuk kaum keluarga saya?

Kaum pelajar dan pegawai rendah bertanya:

Ada apa-apa yang mendatangkan faedah untuk diri saya?

Jika semua mengharapkan faedah, maka negara akan menghadapi bahaya.

(politik dan muzik)

Pada suatu hari, ketika Meng Zi dipanggil untuk menghadap oleh **Raja Xuan** dari negeri Qi, dia bertanya:

Maharaja tuanku pernah memberitahu Zhuangbao yang tuanku gemarkan muzik, adalah perkara ini benar?

Apabila mendengar pertanyaan tersebut, wajah Raja Xuan berubah, dan beliau berkata:

Muzik yang saya gemari itu bukanlah muzik tinggalan raja-raja zaman dahulu tetapi muzik itu adalah muzik popular semasa.

Meng Zi berkata:

Maharaja tuanku, sekiranya tuanku terlalu gemarkan muzik, tidak lama lagi negara Qi akan dapat ditadbir dengan baik. Muzik popular semasa dengan muzik klasik adalah sama.⁸

Raja Xuan bertanya:

Bolehkah anda memberitahu alasannya kepada saya?

Meng Zi tidak terus jawab, sebaliknya dia mengemukakan pertanyaan:

Antara keseronokan menikmati muzik seorang diri, dengan keseronokan menikmati muzik dengan orang lain, yang mana satukah yang lebih menyeronokkan?

Raja Xuan menjawab:

Lebih baik mendengarnya bersama-sama orang lain kerana mendengar dengan cara begitu lebih menyeronokkan.

Meng Zi menyambungkan pertanyaan:

Yang mana satukah lebih menyeronokkan – mendengar muzik bersama-sama dengan orang yang sedikit atau bersama-sama orang yang ramai?

Raja Xuan menjawab:

Lebih menyeronokkan jika muzik itu didengar bersama-sama orang yang ramai.

Lalu Meng Zi berkata:

Biar saya huraikan bagaimana kita dapat menikmati keseronokan mendengar muzik. Sekiranya maharaja tuanku kini memainkan muzik, rakyat jelata akan mendengar suara gendang dan loceng besar tuanku, dan juga irama yang ditiup daripada seruling. Mereka mengerutkan batang hidung, berasa sakit kepala dan akan saling menceritakan kesusahan masing-masing. Maharaja kita mendengar muzik bersendiru untuk mendapat keseronokan . Dia sanggup membuat anak isteri kita berpisah dan bercerai-berai. Ibu bapa dan adik be-

radik berpisah di penjuru langit dan berada dalam keadaan derita yang tidak terhingga. Kini maharaja tuanku sedang berburu. Rakyat jelata akan mendengar bunyi kereta kuda dan kuda maharaja tuanku, dan mereka juga melihat hiasan bendera yang anek serta cantik. Mereka akan mengerutkan batang hidung, berasa sedih dan saling mengadu hal begini. Maharaja kita dengan riang hati pergi berburu dan sanggup menjadikan kita terpisah daripada anak dan isteri. Ibu bapa dan adik beradik berpisah di penjuru langit dengan keadaan derita yang tidak terhingga. Satu-satunya sebab, dan tidak ada sebab lain, hanya kerana tuanku tidak bersama-sama rakyat untuk berseronok.

Sekiranya ketika maharaja tuanku bermain muzik di sini, dan kedengaran oleh rakyat je-lata bunyi loceng dan gendang, dan juga irama yang ditiup daripada seruling, mereka akan berwajah riang dan saling berbisik sesama mereka dan berkata:

Maharaja tuanku tentu sihat. Jika tidak, bagaimakah tuanku boleh bermain muzik? Kini maharaja tuanku sedang berburu di sini. Apabila rakyat jelata mendebgar bunyi kuda dan kereta kuda maharaja tuanku, dan mereka juga melihat hiasan bendera yang anek serta cantik, mereka dengan wajah yang riang berlari dan berbisik sesama mereka, “Maharaja kita sihat. Jika tidak, bagaimakah tuanku boleh berburu?” Keadaan ini semata-mata disebabkan oleh tuanku yang berseronok bersama-sama rakyat jelata. Kini, sekiranya maharaja tuanku boleh berseronok bersama-sama rakyat, sudah tentu tuanku boleh membuat rakyat memihak kepada tuanku. Dengan ini seluruh negara akan dapat disatukan.

Perkara yang memang penting ialah ahli-ahli falsafah utama dalam tamadun Cina seperti Confucius dan Mencius merujuk kepada mandat **T'ien** (The Mandate of Heaven), atau perintah T'ien, dalam perbincangan mereka berkenaan falsafah politik. Seseorang

pemerintah (seperti seorang raja atau maharaja) itu dapat memerintah negara China kerana be-liau mendapat mandat T'ien untuk berkuasa atas negeri tersebut. Mengikut Mencius (dan juga Confucius), pihak T'ien boleh menarik balik hak untuk memerintah negara China jika pemerintah yang berkuasa itu bukanlah seorang pemerintah yang baik. Confucius dan Mencius berpendapat bahawa kepentingan rakyat jelata merupakan perkara terpenting dalam sebuah masyarakat, dan ia juah lebih penting daripada kehendak dan kepentingan se-orang pemerintah. Oleh demikian fungsi utama seorang pemerintah ialah untuk memaju-kan keperluan dan kepentingan rakyat. Ini juga mengimplikasikan bahawa jika seorang pemerintah (seperti seorang raja atau maharaja) tidak menjaga kepentingan rakyat, atau jika beliau menjalankan polisi-polisi yang bertentangan dengan kepentingan rakyat, maka pihak T'ien akan menarik balik hak pemerintah itu untuk berkuasa atas negara China. Falsafah Confucius menegaskan bahawa sebelum pihak T'ien menarik balik hak seorang pemerintah, pemerintah tersebut patut diberikan peluang untuk mengubah tindakan dan polisinya. Mengikut Confucius, menteri-menteri yang berpelajaran tinggi (ahli-ahli golo-ngan sarjana-pentadbir) mesti menasihatkan pemerintah itu untuk mengubah polisi-polisinya dan menjaga kepentingan rakyat jelata. Tetapi jika pemerintah itu masih degil dan tidak mengubah tindakan dan polisinya, maka T'ien akan menarik balik hak beliau untuk memerintah negerinya. Ini bererti menteri-menteri yang mempunyai hubungan kekeluar-gaan dengan pemerintah itu mesti menggulingkan pemerintah tersebut. Dalam falsafah Mengzi, mereka akan mengikut perintah T'ien untuk menggulingkan seorang pemerintah yang buruk tidak semestinya menteri-menteri yang mempunyai hubungan dengan pemerintah tersebut. Seorang

pemimpin rakyat jelata juga boleh melaksanakan perintah T'ien, dan menggulingkan seorang pemerintah yang tidak menjaga kepentingan rakyat.

Agak jelas bahawa konsep T'ien telah diberikan suatu dimensi moral. Pemimpin puak Zhou telah menggunakan suatu prinsip moral bagi menjatuhkan pemerintah dan kerajaan Dinasti Shang (Dinasti Shang berkuasa dari 1600 hingga 1050 S.M.). Prinsip moral yang digunakan ialah kita mesti mematuhi kehendak dan perintah T'ien, dan seorang pe-merintah mesti menunjukkan penghormatan kepada T'ien melalui upacara-upacara tertentu, dan beliau juga harus menjaga kepentingan rakyat jelata (dan bukan menindas rakyat jelata). Mengikut pemimpin-pemimpin Zhou, tindakan maharaja terakhir dalam zaman Dinasti Shang adalah bertentangan dengan seluruh prinsip moral ini; iaitu beliau tidak menjalankan upacara-upacara untuk menghormati T'ien dan dewa-dewa yang lain, dan beliau juga menindas rakyat, dan tindakan beliau bertentangan dengan kepentingan rakyat. Oleh demikian pihak T'ien telah menarik balik hak beliau untuk memerintah negara Chi-na; dan lebih penting daripada itu, pihak T'ien telah memberi tanggungjawab menggulungkan pemerintah Dinasti Shang kepada pemimpin puak Zhou. Dan pemimpin tersebut juga diarah oleh T'ien untuk memerintah seluruh negara China selepas kejatuhan Dinasti Shang.

T'ien sebagai suatu Prinsip Moral yang terawal dan tertinggi dalam alam semesta ini.⁹ Confucius pernah merujuk kepada suatu prinsip moral (tertinggi) di dalam alam semesta ini yang menyokong pendirian orang-orang yang mengikut cara hidup yang beretika tinggi.

Seseorang pemerintah merujuk kepada arahan atau mandat T'ien untuk menjustifikasi dan mewajarkan pemerintahannya; ataupun semasa seseorang pemberontak menggunakan perintah T'ien sebagai alasan untuk mempertahankan tindakannya. **Herrlee G. Creel** menunjukkan bahawa pada tahun 1027 sebelum Masihi, pemimpin puak Zhou (Chou) telah memberontak dan mengalahkan pemerintah terakhir yang menguasai Dinasti Shang (Dinasti Shang wujud dari 1600 hingga 1027 sebelum Masihi), dan beliau kemudian menakluki dan memerintah seluruh negeri China. Oleh kerana pemimpin Zhou dapat menguasai negeri China melalui perang dan menghapuskan kerajaan lama, maka ia perlu menjustifikasi dan mewajarkan pemerintahannya. Dan pemerintahan-pemerintahan Zhou merujuk kepada pemindahan mandat T'ien daripada pemerintah Shang kepada pemerintahan Zhou. Ini bererti pihak T'ien telah mengarahkan pemimpin puak Zhou untuk memberontak dan menghapuskan Dinasti Shang dan kemudian memerintah negeri China. Dan T'ien telah memberikan arahan tersebut kerana pemerintahan Dinasti Shang yang terakhir merupakan seorang dictator yang selalu menjadi mabuk akibat minum arak; dan beliau juga menyalahgunakan kuasa beliau sehingga pihak rakyat terpaksa menderita.¹⁰ Creel menunjukkan bahawa pemerintahan Zhou menggunakan T'ien untuk merujuk kepada dewa yang terpenting dan tertinggi untuk kepercayaan orang-orang Cina.¹¹ Tetapi dewa terpenting dalam mitologi Cina disamakan dengan langit dan agak jelas bahawa T'ien juga merujuk kepada suatu Kuasa Moral dalam dunia ini, maka mematuhi perintah dan arahan T'ien pasti merupakan suatu tindakan yang betul dan wajar. Akhir sekali Creel juga merujuk kepada “takdir” (manifest destiny) negeri China yang terkandung dalam

alas an (mandate T'ien) yang digunakan oleh pemerintah Zhou bagi menjustifikasi tindakan beliau.¹²

Dalam Karya-karya Klasik, pemerintah-pemerintah dikenali sebagai bapa dan ibu rakyat negeri. Jadi, seorang pemerintah ialah seorang bapa dan juga seorang ibu kepada negeri yang berkenaan. Dengan cara yang sama, seorang majistret (hakim) merupakan bapa dan juga ibu kepada daerah yang diperintah olehnya. Konsep ini mengimplikasikan bahawa seorang pemerintah harus mencintai rakyatnya seperti seorang ibu mencintai anaknya.¹³

Fang Yu-Lan menjelaskan manifestasi ren dengan cara berikut: “Seorang bapa akan bertindak dengan cara seorang bapa yang (sebenar-benarnya) mencintai anak lelakinya; dan seorang anak lelaki akan bertindak dengan cara seorang anak yang (sebenar-benarnya) mencintai anaknya”.¹⁴ Dan kita boleh memperluaskan konsep ini. Seorang yang mempunyai sifat ren akan mencintai ibunya, dan bertindak dengan cara seorang anak yang sebenar-benarnya mencintai ibunya; dan dia akan mencintai kawan-kawannya, dan bertindak dengan cara seorang yang sebenar-benarnya mencintai kawan-kawannya. Confucius juga menganggap ren sebagai kebaikan moral yang paling tinggi. Perkara yang lebih penting ialah Confucius mengaplikasikan konsep ini kepada bidang politik; dan ren merupakan sebahagian daripada rancangan politik beliau.

Kemudian konsep li diperluaskan lagi, untuk menunjukkan semua upacara, semua perbuatan yang mengikut adat, dan semua perbuatan yang melibatkan tingkahlaku yang

berbudi bahasa, terutamanya peraturan-peraturan yang diperkenalkan untuk mengatur atau mengawal tingkah laku pemerintah dan ahli-ahli istana.¹⁵ Oleh demikian konsep li selalunya merujuk kepada perlaksanaan upacara secara betul, kesopanan dan semua tingkah laku mengikut adat. Sebanarnya preskripsi Confucius ini ditunjukan khasnya kepada ahli-ahli daripada kelas pentadbir. Mengikut Creel:

Confucius bermula dari pihak pentadbir. Jika pemerintahan-pemerintahan menyembah dan memberikan penghormatan secara serius kepada nenek-moyang mereka yang sudah meninggal dunia, kenapa mereka tidak memberikan perhatian yang sama kepada kerja-kerja memerintah negeri mereka? Jika pentadbir-pentadbir berbudi bahasa sesama sendiri dalam kerja-kerja pentadbiran yang berlaku setiap hari, kenapa mereka tidak berbudi bahasa dalam pengurusan mereka dengan orang-orang rakyat jelata? Tambahan pula, rakyat jelata yang merupakan asas sebuah negeri.¹⁶

Ini bermaksud perlaksanaan upacara (serta tingkah laku yang mengikut prinsip kewajaran dan kesopanan) adalah penting untuk melatih seorang pemerintah atau seorang pentadbir supaya dia bertindak secara bersopan santun dalam pengurusannya dengan rakyat biasa. Ini akan menjamin supaya pihak pemerintah tidak menggunakan hak kuasanya dengan sewenang-wenangnya dalam perhubungan dan pengurusan mereka dengan rakyat biasa. Ia juga menjamin supaya pihak pentadbir dan pihak pemerintah menganggap orang-orang biasa sebagai manusia yang setaraf dengan mereka, dan pihak pentadbir tidak memperlakukan orang-orang biasa dengan kejam atau cara yang tidak saksama. Ia akan menjamin supaya pihak pegawai kerajaan tidak bertindak secara kasar dalam urusan mereka dengan rakyat biasa, dan mereka masih bersopan santun dan beradat dalam urusan mereka dengan rakyat bawahan.

Seperti Confucius, Mengzi berpendapat bahawa fungsi kerajaan ialah untuk menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat dalam sesebuah negeri. Oleh itu pemerintah sesuatu negeri perlu berunding dengan rakyat supaya mengetahui kehendak mereka, dan tugas pemerintahan adalah untuk melaksanakan kehendak rakyat. Mengikut Gung-Hsing Wang, **Mengzi** pernah berkata:

“Jika mereka (rakyat) mengatakan bahawa seseorang itu perlu dikenakan hukuman mati, maka (pihak pemerintah) mesti menyiasat perkara itu, dan jika didapati bahawa orang tersebut sebenarnya bersalah, maka hukuman mati mestilah dilaksanakan”.¹⁷

Ini jelas mengimplikasikan bahawa tugas suatu kerajaan ialah untuk melaksanakan kehendak-kehendak rakyat. **Gung-Hsing Wang** juga menegaskan bahawa “pada abad ketiga sebelum Masihi (iaitu sebelum prinsip demokrasi yang awal muncul di Dunia Barat), Mengzi telah menegaskan kepentingan (mendapat) pendapat awam dalam perjalanan tugas-tugas kerajaan”.¹⁸ Sekali lagi, ini mengimplikasikan bahawa tugas sesuatu kerajaan ialah untuk melayani kehendak-kehendak rakyat. Mengikut Wang, Mengzi selalu menegaskan pendapat berikut kepada pelajar-pelajarnya:

“(kepentingan) rakyat mesti diberikan keutamaan, dan ini diikuti oleh (kepentingan) negeri, dan (kepentingan) pemerintah atau raja adalah kurang penting sekali”.¹⁹

Jadi keutamaan mesti diberikan kepada kepentingan rakyat; dan jika kepentingan pemerintah bertentangan dengan kepentingan rakyat, kepentingan rakyat mesti diutamakan. Tetapi masalah timbul apabila seorang pemerintah itu memberi keutamaan

kepada kepentingan diri sendiri walaupun ia bertentangan dengan kehendak rakyat. Dan rakyat terpaksa menderita dan mengalami kesengsaraan. Mengikut Creel:

“... (seperti Konfucius) Mengzi mengutamakan hak dan kepentingan rakyat. Mengzi agak teguh dengan pendirian ini, dan beliau menegaskan bahawa seorang pemerintah yang tidak menjamin dan tidak berusaha untuk kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat mesti ditumbangkan.²⁰

Mengzi juga menyampaikan butir-butir berkenaan cara yang betul untuk menumbangkan seorang pemerintah yang menyeleweng daripada tugas dan tanggungjawabnya. Mengikut Creel:

Mengzi memberitahu raja negeri Ch'i bahawa seorang pemerintah yang menyeleweng patut dikawal oleh menteri-menterinya. Tetapi disini Mengzi membezakan antara dua kumpulan menteri-menteri dalam perkhidmatan seorang pemerintah. Menteri-menteri yang tidak mempunyai pertalian keluarga dengan pemerintah yang berkenaan harus membantah (ambil menasihatkan) pemerintahan itu. Dan jika pemerintah tersebut tidak memperdulikan kata-kata mereka, maka menteri-menteri tersebut mesti meletakkan jawatan. Dan jika pemerintah tersebut masih tidak memperbaikidiri-sendiri, maka menteri-menteri yang mempunyai pertalian keluarga (dengan pemerintah berkenaan) mesti menggulingkan pemerintah itu.²¹

NOTA:

1. Obaidellah Haji Mohamad, *Lun Yu: Pembicaraan Confucius*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kamenterian Pendidikan Malaysia, 1994. m.s.2.
2. *Lun Yu.*, m.s.7.
3. *Lun Yu.*, m.s.12.

4. *Lun Yu.*, m.s.20.
5. *Lun Yu.*, m.s.98.
6. *Lun Yu.*, m.s.102.
7. Obaidellah Haji Mohamad, **Meng Zi**, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994. m.s.1.
8. *Meng Zi.*, m.s.22.
9. Fung Yu-Lan. *Ibid.*, m.s. 31.
10. Herrlee G.Creel. Chinese Thought: From Confucius to Mao Tse-Tung. Chicago: The University of Chicago Press, 1975, m.s. 15.
11. Herrlee G.Creel. *Ibid.*, m.s. 15.
12. Herrlee G.Creel. *Ibid.*, m.s. 15-17.
13. Leonard S. Hsu. The Political Philosophy of Confucianism. London: George Routledge & Sons, Ltd., 1932, m.s. 189. Terjemahan pengarang.
14. Fung Yu-Lan. A shout history of Chinese philosophy. Ed.bodde, Derk. New York: The Free Press, 1966, m.s. 42. Terjemahan pengarang.
15. Herrlee G.Creel. Chinese Thought: From Confucius to Mao Tse-Tung. Chicago: The University of Chicago Press, 1975, m.s. 30.
16. Herrlee G.Creel. *Ibid.*, m.s. 30. Terjemahan pengarang.
17. Gung-Hsing Wang. The Chinese Mind. Westport, Connecticut: Greenwood Press, 1971, m.s. 33. Terjemahan pengarang.
18. Gung-Hsing Wang. *Ibid.*, m.s. 33. Terjemahan pengarang.
19. Dakwaan Mencius ini terdapat dalam karya Gung-Hsing Wang. *Ibid.*, m.s. 33. Terjemahan pengarang.
20. Herrlee G.Creel. Chinese Thought: From Confucius to Mao Tse-Tung. Chicago: The University of Chicago Press, 1975, m.s. 83. Terjemahan pengarang.
21. Herrlee G.Creel. *Ibid.*, m.s. 80. Terjemahan pengarang.

3.2 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA EKONOMI

Zi Zhang (atau Zhuan Sun Shi, 503 S.M- ? S.M) belajar dengan Confucius cara mendapatkan pekerjaan yang boleh membawa kebahagiaan.

Confucius berkata:

Banyakkan mendengar sekiranya terdapat perkara-perkara yang mengelirukan. Jadi bahagian itu dikekalkan, bahagian yang lain pula sudah memadai untuk meyakinkan diri menyatakan sesuatu dengan teliti. Dengan itu ia dapat mengurangkan kesalahan.

Banyakkan melihat sekiranya terdapat perkara-perkara yang mengelirukan. Maka bahagian itu dikekalkan, bahagian yang lain pula sudah memadai untuk keyakinan diri melaksanakan sesuatu dengan teliti. Dengan itu ia dapat mengurangkan penyesalan, kesalahan bahasa, dan penyesalan tindakan. Di sinilah letaknya usaha pegawai untuk mendapatkan kebahagiaan.¹

Confucius berkata:

Orang yang melaksanakan sesuatu pekerjaan untuk kepentingan peribadi boleh menimbulkan keburukan dan kebencian.²

Mengzi mengatakan bahawa perbezaan antara manusia dengan binatang ialah seorang manusia itu mempunyai asas kebaikan, seperti minda (kebolehan membuat penaakulan) yang membezakan antara perbuatan baik dengan perbuatan buruk.³

Mengzi mempercayai bahawa manusia mempunyai asas yang baik; sekurang-kurangnya manusia mempunyai kebolehan untuk membezakan antara suatu perbuatan yang baik dengan suatu perbuatan yang buruk. Manusia mempunyai kemampuan ini

kerana ia mempunyai minda yang berkebolehan membuat pentaakulan, dan melalui pentaakulan seseorang manusia dapat melihat perbezaan antara baik dengan buruk. (Dan ini juga merupakan perbazaan antara manusia dengan binatang, kerana binatang tidak mempunyai minda yang mampu membezakan antara baik dan buruk). Tetapi seorang manusia hanya akan menjadi seorang Junzi jika dia selalu melakukan perbuatan yang baik, sehingga berbuat baik menjadi sebahagian daripada tabiat dan kelakuannya.

Perkara ini sama seperti kemahiran seorang petani; seorang petani dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan kerana sepanjang tahun dia perlu meneruskan kerja mencangkul dan menggemburkan tanah, sehingga melakukan perbuatan itu menjadi sebahagian daripada tabiat (habit) dan kelakuannya.

Jadi tujuan dan rancangan pendidikan ialah untuk membina seorang manusia yang mempunyai tabiat tetap bagi melakukan perbuatan yang baik dari segi moral.⁴

NOTA:

1. Obaidellah Haji Mohamad, *Lun Yu: Pembicaraan Confucius*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994. m.s.11.
2. *Lun Yu.*, m.s.26.
3. Fung Yu-Lan. A history of Chinese philosophy, vol. 1. Princeton: Princeton University Press, 1973, m.s. 288.
4. Lihat Aristotle. Nicomachean Ethics.

3.3 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA KELUARGA

Zi You (atau Yau Yan, 506 S.M.-? S.M.) bertanya Confucius tentang ketaatan.

Confucius berkata:

Pada masa ini, maksud ketaatan sudah memadai dirujuk pada seseorang yang dapat memelihara ibu bapa. Namun anjing dan kuda pun dipelihara. Sekiranya kita tidak taat dan hormat pada ibu bapa dengan sepenuhnya, bagaimanakah kita dapat membezakan antara memelihara ibu bapa dengan memelihara anjing dan kuda?¹

Confucius berkata:

Berbakti kepada ibu bapa bermaksud sekiranya ibu bapa tidak betul, kita perlu memberitahu mereka akan kesilapan itu dengan lembut dan dengan nada suara yang rendah. Sekiranya keinginan kita tidak didengar atau tidak dipenuhi, mereka masih juga mesti dihormati. Jangan menyalahkan mereka sekalipun hati kita berasa pilu. Jangan berdendam atau membenci mereka.²

‘**Xiao**’ merujuk kepada kewajiban seorang anak terhadap ibu bapanya (takrif ini melibatkan juga kegiatan menunjukkan hormat dan tanggungjawab kepada ibu bapa yang sudah meninggal dunia). Tetapi Konfucius memberikan tumpuan kepada tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapanya yang masih hidup. Mengikut karya Analects:

Yu Tzu berkata, “Seorang yang merupakan anak yang baik, dan juga seorang muda yang patuh kepada abang-abangnya, jarang menentang keinginan orang yang mempunyai pangkat dan kedudukan lebih tinggi. Seseorang yang mempunyai sifat tersebut tadi memang tidak akan memulakan suatu revolusi menggulingkan pihak pemerintah”.³

Confucious berkata: “Di dalam rumahnya, seseorang anak muda itu harus menjadi anak yang baik. Dan semasa anak muda itu berada di luar negeri, dia patut mematuhi orang yang tua...”⁴

Tidak dapat dinafikan bahawa karya Analects merujuk kepada kepentingan prinsip xiao (iaitu kepentingan memenuhi tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapanya). Hal ini melibatkan kegiatan menunjukkan hormat kepada ibu bapa yang sudah meninggal dunia (seperti menjalankan upacara penyembahan nenek moyang dan ibu bapa yang sudah meninggal dunia); dan ia juga melibatkan mematuhi dan menghormati keinginan-keinginan ibu bapa yang masih hidup. Sebelum meninjau prinsip xiao secara lebih teliti dan mendalam, perlu ditunjukkan pertentangan yang mungkin wujud antara xiao dengan prinsip-prinsip moral lain dalam system falsafah Confucius (iaitu prinsip ren, yi dan li). Tekanan Confucius memang terhadap pembinaan suatu masyarakat yang aman dan harmoni. Jika setiap orang mematuhi abang dan ibu bapanya, maka sebuah keluarga yang harmoni akan terbina. Dan jika setiap ahli rakyat jelata mematuhi pemerintahannya, maka suasana harmoni yang sama akan timbul dalam seluruh masyarakat. Oleh itu **Confucius** menyampaikan alasan bahawa seseorang “yang mempunyai sifat tersebut (iaitu sifat ber-sedia mematuhi ibu bapa dan abang-abangnya) memang tidak akan memulakan suatu re-volusi yang menggulingkan pihak pemerintah”.

Wang Yang-ming (Wang Shou-jen, 1479-1529), seorang pakar fahaman neo-Konfucianisme, menegaskan bahawa perasaan cinta dan kasih sayang terhadap manusia lain (ren melibatkan perasaan cinta dan kasih sayang terhadap manusia lain) mesti bermula daripada perbuatan yang menunjukkan tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapanya. Ren dan perasaan kasih sayang atau percintaan terhadap manusia lain

mempunyai suatu titik permulaan; dan titik permulaannya ialah xiao, atau perbuatan untuk menunjukkan tanggungjawab kita sebagai seorang anak. Perbandingan dibuat dengan makhluk-makhluk hidup dalam dunia alam semesta (pengikut-pengikut Confucius, termasuk Mengzi dan Wang suka menggunakan hujah bersifat analogi). Sebelum sesuatu tumbuhan atau binatang boleh membesar, ia harus mempunyai suatu titik permulaan untuk berkembang dan membesar. Dan jika keadaan sekitarnya unggul dan sesuai, ia akan berkembang dan membesar sehingga ke saiz maksimumnya. Analogi dibuat dengan sifat rendan morality seorang individu. Sebelum sifat ren boleh berkembang dalam sifat individu, dia mesti bermula dengan menunjukkan perasaan cinta dan kasih sayang terhadap ibu dan bapa sendiri. Menurut **Wang**: “(Sebagai seorang individu saya) patut menunjukkan perasaan kasih sayang kepada ibu bapa orang lain. Dan selepas itu saya patut menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap ibu bapa semua orang dalam dunia ini”.⁵ Adalah sifat semulajadi manusia untuk bermula daripada ibu bapa sendiri, sebelum kita menunjukkan perasaan yang sama terhadap ibu bapa orang lain. Dan kemudian perasaan itu boleh menjadi perasaan kasih sayang dan simpati kepada semua manusia dalam dunia ini (iaitu ren). Wang juga mengimplikasikan bahawa mengambil ibu bapa sendiri sebagai titik permulaan untuk memperluas dan memperkembangkan sifat ren ialah sesuatu yang selaras dengan prinsip semulajadi. Beliau menegaskan bahawa kita bukan sahaja mencintai ahli-ahli keluarga kita, tetapi juga mereka yang bukan ahli keluarga kita.

NOTA:

1. Obaidellah Haji Mohamad, **Lun Yu: Pembicaraan Confucius**, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994. m.s.9.

2. *Lun Yu.*, m.s.27.
3. Konfucius, The Analects, buku 1, bab 2, terjemahan D.C.Lau dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris dan terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.
4. Konfucius, The Analects, buku 1, bab 6, terjemahan D.C.Lau dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris dan terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.
5. Fung Yu-Lan. A history of Chinese philosophy, vol. 1.Princeton: Princeton University Press, 1973, m.s. 281.

3.4 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA AGAMA

Confucius berkata:

Menyembah hantu dan dewa yang tidak sepatutnya disembah adalah perbuatan yang sia-sia. Sepatutnya kita memberi sumbangan pada perkara yang berlaku di hadapan mata kita . Jadi orang yang berpeluk tubuh, tidak berbuat apa-apa, adalah penakut dan pengecut.¹

Sewaktu Confucius menyembah datuk nenek seolak-olak datuk nenek benar-benar berada di situ. Sewaktu beliau menyembah tuhan (Shen) seolak-olak tuhan benar-benar berada di situ.

Confucius berkata pula:

Sekiranya saya tidak dapat menghadiri upacara penyembahan, saya tidak meminta orang lain menggantikan saya.²

Confucius masuk ke dalam Miao Zhou Gong (berhala yang disembah). Semua persiapan yang diperlukan untuk upacara penyembahan disoal olehnya. Justeru itu ada orang bertanya: Siapakah yang mengatakan bahawa anak Shu Liang-he ini mengetahui adat? Saya lihat dia tidak mengetahui apa-apa pun. Apabila dia sampai di Miao dia bertanya orang tentang setiap perkara.

Apabila Confucius mendengar kata-kata ini beliau berkata: Hendaklah bertanya tentang sembarang pantang yang tidak diketahui. Inilah adat.³

Lau, seorang penterjemah dan pengulas karya-karya Confucius yang terkenal, menegaskan bahawa satu sumbangan terpenting dalam falsafah Confucius ialah dakwaan Confucius bahawa perbuatan yang moral mesti dilakukan demi untuk nilainya, dan semata-mata kerana nilainya. Menurut Lau:

Dalam kegiatan dan perbuatan moral, kita tidak dapat menjamin kejayaannya, ataupun g-anjuran daripada perbuatan itu, dan oleh itu kita harus melakukan suatu perbuatan moral kerana dan hanya kerana nilainya. Hal ini merupakan mesej pokok dalam ajaran Konfucius. Hal ini juga membezakan ajaran Konfucius daripada aliran-aliran pemikiran lain yang timbul di negeri China pada zaman kuno.⁴

Perbuatan yang bermoral mesti dilakukan kerana nilai intrinsinya, tanpa mengambil kira bsebab atau alasan yang lain. Ini bererti bahawa dalam perbuatan moral, kita tidak lagi berfikir tentang ganjaran seperti keuntungan kewangan atau kesan perbuatan itu. Kita me-lakukan perbuatan itu hanya kerana kita menganggapkan sebagai perbuatan yang betul, dan kita mempunyai kewajiban untuk melakukan perbuatan tersebut. Begitulah maksud “suatu perbuatan yang dilakukan demi untuk nilainya”, dan

ahli-ahli falsafah seperti Immanuel Kant menamakan perbuatan seperti itu sebagai sesuatu categorial imperative. Terdapat bukti-bukti tekstual yang menunjukkan bahawa Confucius menganggap perbuatan yang bersifat ren dan yi sebagai perbuatan yang dilakukan hanya untuk nilainya.

Confucius berkata, “Mereka yang mempunyai tujuan (dalam kehidupan mereka) dan mereka yang bersifat penyayang (ren) patut bersedia untuk mengorbankan nyawa dalam perbuatan yang bersifat penyayang itu. Mereka yang bersifat penyayang (ren) memang tidak ingin hidup jika mereka perlu hidup dengan mengorbankan prinsip penyayang (iaitu ren)”.⁵

Penjaga Pintu Batu bertanya Tzu-lu, “Orang itu ialah K’ung (Confucius). Bukankah benar bahawa beliau (iaitu Confucius) masih berusaha keras untuk mencapai tujuan beliau, walaupun beliau sendiri sudah pasti beliau tentu tidak akan berjaya?”⁶

Selepas beliau bertemu dengan seorang pertapa **Tzu-lu** berkata, “Seseorang yang berpelajaran tinggi akan memegang jawatan menteri (pentadbir) kerana itu memang kewajipan beliau. (Beliau masih akan memegang jawatan tersebut) walaupun beliau sudah mengetahui tidak akan berjaya mengaplikasi Prinsip Betul dari segi praktik”.⁷

Confucius berkata, “Seseorang yang baik dari segi moral (bersikap penyayang atau ren) akan melakukan perbuatan yang baik (ren) kerana dia ingin berbuat demikian. Manakala seseorang yang hanya bijaksana sahaja akan melakukan perbuatan yang baik kerana mempercayai bahawa dia akan mendapat keuntungan (ganjaran) daripada perbuatan itu”.⁸

Liu Hsia Hui bertugas sebagai seorang hakim, tetapi beliau dibuang kerja sebanyak tiga kali. Seseorang bertanya Liu Hsia Hui, “Kenapa anda tidak pergi bekerja di

negeri lain? (Liu Hsia Hui menjawab), “Jika seseorang itu jujur dan mengikut Prinsip Betul, dia masih akan dibuang kerja sebanyak tiga kali walaupun dia bekerja di (sebuah) negeri yang lain. Sebaliknya, jika seseorang itu bersedia menyeleweng daripada Prinsip Betul, dia memang tidak perlu berhijrah dari tempat lahirnya”.⁹

Perbuatan bersifat ren dan perbuatan bersifat yi mesti dilakukan kerana nilainya. Hal ini mengimplikasikan bahawa kita melakukan perbuatan tersebut kerana kewajipan kita untuk melakukan perbuatan yang yang betul. Hal ini juga mengimplikasikan bahawa perbuatan tersebut tidak patut dilakukan untuk ganjaran atau kesannya. Hal ini juga bererti sama ada sesuatu perbuatan itu dilakukan semata-mata kerana nilainya ataupun untuk memenuhi syarat yang lain akan bergantung pada tujuan kita semasa kita melakukan perbuatan tersebut (dan ia tidak bergantung pada perbuatan itu sendiri).

NOTA:

1. Obaidellah Haji Mohamad, *Lun Yu: Pembicaraan Confucius*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kamenterian Pendidikan Malaysia, 1994. m.s.13.
2. *Lun Yu.*, m.s.18.
3. *Lun Yu.*, m.s.19.
4. D.C.Lau, Confucius: The Analects (London: Penguin Book, 1979), m.s. 13.
5. Konfucius, The Analects, buku XVI, bab 38, terjemahan D.C.Lau dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris dan terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.
6. Konfucius, The Analects, buku XVI, bab 38, terjemahan D.C.Lau dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris dan terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Dalam terjemahan James Legge, sila rujuk buku XIV, bab XLI (41).
7. Konfucius, The Analects, buku XVIII, bab 7, terjemahan D.C.Lau dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris dan terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.

8. Konfucius, The Analects, buku IV, bab 2, di dalam Arthur Waley, The Analects of Confucius: Translated and Annotated, terjemahan Arthur Waley dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris (New York: Vintage Books,1989). Terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.
9. Konfucius, The Analects, buku XVIII, bab 2, terjemahan D.C.Lau dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris dan terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.

3.5 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA PENDIDIKAN

Suatu kajian lengkap tentang jenis penaakulan yang digunakan dalam falsafah moral Cina harus menumpukan perhatian kepada system etika Confucius. Perhatian akan diberikan kepada cara Confucius menggunakan konsep moral seperti ren, yi, xiao, chong, li, xing, junzi, dan lain-lain.

Dalam karya Analects, kelas junzi (iaitu seorang yang berpendidikan tinggi) tidak dianggap sebagai suatu kelas yang diwarisi. Seseorang manusia itu tidak lahir dengan kedudukan sebagai seorang junzi, dia mesti berusaha untuk mencapai status seorang junzi. Lebih penting lagi, sesiapa pun boleh menjadi seorang junzi jika dia berusaha mencapai status tersebut (dan ini juga mengimplikasikan bahawa setiap orang patut mencuba dan berusaha mencapai status seorang junzi).

Confucius dan juga Meng Zi menganggap prinsip-prinsip moral sebagai sesuatu perkara yang sejagat. Bukti textual yang penting terdapat dalam karya Analects dan Mencius:

Confucius berkata, “Dalam hal pendidikan, kita tidak patut membahagikan manusia ke-pada kelas-kelas berlainan (iaitu setiap manusia berhak untuk dididik dan diajar)”.¹

Confucius berkata, “Saya tidak menolak sesiapa pun yang ingin diajar dan dididik oleh saya. Sama ada seseorang itu hanya membawa sebungkus daging kering, atau hadiah yang lebih mahal, dia akan menerima ajaran dan didikan saya”.²

Confucius berkata, “Setiap manusia mesti menganggap kebaikan moral sebagai kewajipannya. Dia tidak boleh menyerahkan kewajipan itu kepada orang lain, meskipun orang itu ialah gurunya”.³

Ts'ao Chiao bertanya, “Adakah benar bahawa semua manusia boleh menjadi seperti Yao dan Shun? **Mengzi** menjawab, “Ya. Hal itu memang benar” ... Mengzi juga berkata “Yao dan Shun merupakan manusia yang baik kerana mereka bertindak sebagai anak yang baik, dan juga sebagai adik yang baik. Jika anda (iaitu Ts'ao Chiao) memakai pakaian Yao, dan bercakap kata-kata Yao dan bertindak seperti Yao, maka anda adalah seorang yang sama dengan Yao”.⁴

Agak jelas bahawa kedua-dua Confucius dan Mengzi manganggap moraliti sebagai suatu perkara yang sejagat. Apabila Confucius mengatakan bahawa dalam hal pendidikan “kita tidak patut membahagikan manusia kepada kelas-kelas berlainan”, beliau mengimplikasikan bahawa setiap manusia boleh dan patut mendapat pendidikan atau ajaran yang sesuai. Dan tujuan pendidikan ialah untuk membina seorang yang bermoral tinggi dan yang bertindak secara moral. Hal ini bererti prinsip moral mempunyai dimensi sejagat; setiap manusia harus mendapat latihan dan ajaran moral, dan oleh itu setiap manusia harus mematuhi dan mengaplikasi prinsip-prinsip moral.

(konsep ren)

Chung-kung bertanya Confucius tentang nilai kebaikan yang tertinggi (ren, atau nilai kebaikan yang sempurna).

Confucius berkata:

Ren boleh dijelaskan dengan cara berikut. Semasa berada di negeri yang lain, anda harus menganggap setiap orang sebagai seorang tetamu yang paling penting, dan anda mesti berkelakuan yang sedemikian kepada setiap orang. Dalam perhubungan anda dengan rakyat jelata, anda mesti bertindak sebagai seorang pegawai yang menjalankan suatu upacara yang sangat penting. Jika anda tidak suka akan sesuatu perbuatan atau tindakan, jangan melakukannya terhadap orang lain. Jika anda mengikut nasihat tersebut, maka tiada seorang pun yang akan mengkritik atau menghalang anda dan keluarga anda.⁵

Konsep ‘ren’ dengan maksud yang lebih khusus merujuk kepada sikap penyayang terhadap orang lain, atau kemurahan hati. Maksud ini memang dapat meliputi perasaan simpati dan kasihan terhadap orang yang menderita (itulah sebabnya Meng Zi merujuk kepada perasaan kasihan yang timbul daripada hati seorang dewasa yang ternampak seorang kan-ak-kanak yang hampir jatuh ke dalam sebuah perigi, sebagai bukti yang menunjukkan bahawa manusia mempunyai perasaan asas yang boleh diperkembangkan sehingga menjadi sifat ren).

Zi Gong bertanya Confucius tentang bagaimana hendak menjadi orang yang budiman.

Confucius berkata:

Terlebih dahulu laksanakan apa yang hendak dikatakan, kemudian baru mengatakannya.

Ini sudah memadai untuk menjadi orang yang budiman.⁶

Confucius berkata:

Orang yang budiman (junzi) hidup bersatu padu dan tidak berpuak-puak, manakala orang yang hina (xiaoren) berpuak-puak tetapi tidak bersatu padu.⁷

Confucius berkata:

Belajar tanpa berfikir adalah bersia-sia, sebaliknya berfikir tanpa belajar berbahaya.⁸

Confucius berkata:

Zhong You (atau Zi Lu, 542 S.M.- 480 S.M.), tahukah anda bagaimana seharusnya sikap anda apabila berhadapan dengan perkara yang diketahui atau yang tidak ketahui; jika tahu katakan tahu, jika tidak tahu katakan tidak tahu. Ini (orang yang benar-benar mengetahui) bijaksana.⁹

(cakap benar)

Confucius berkata:

Manusia yang tidak bercakap benar dan tidak mengetahui bagaimana hendak bercakap benar ibarat kereta lembu besar yang rodanya tidak berikat dengan pengunci kayu penggalang dan kereta kuda kecil yang rodanya tidak berikat dengan penyelak kayu penggalang; jadi bagaimakah ia boleh bergerak? ¹⁰

Confucius berkata:

Hanya manusia yang berperikemanusiaan sahaja yang boleh mencintai seseorang dan membenci seseorang. (Ini kerana ukuran yang digunakannya yang menyebabkan dia mencintai atau membenci seseorang itu tepat.)¹¹

Confucius berkata:

Terdapat pelbagai jenis manusia. Oleh sebab itu terdapat pelbagai jenis kesalahan yang dilakukan oleh manusia. Jenis kesalahan yang bagaimakah yang menyebabkan orang melakukan kesalahan? Dengan meneliti kesalahan yang telah dilakukan oleh seseorang, kita boleh mengetahui siapa orang itu.¹²

Confucius berkata:

Orang yang budiman bercakap dengan teliti dan berhati-hati, melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh dan teliti, serta berusaha dengan rajin dan cergas.¹³

Zi Zhang bertanya bagaimana hendak meningkatkan budi, membezakan antara kesesatan dengan kekeliruan.

Confucius berkata:

Ia berlandaskan taat setia, kebenaran, serta kepercayaan, hanya keadilan sahaja yang diikut; dengan cara ini kita boleh meningkatkan budi. Cinta pada seseorang, lalu berharap dia panjang umur; benci pada seseorang lalu berharap dia segera mati; sesekali hendak dia panjang umur, dan sesekali pula hendak dia pendek umur, ini kesesatan. Sikap sebegini

ni sebenarnya tidak mendatangkan sebarang kebaikan pada diri sendiri, hanya membuat orang berasa hairan sahaja.¹⁴

Zi Zhang bertanya:

Orang terpelajar yang bagaimana yang boleh dianggap sebagai telah mencapai matlamat kesempurnaan?

Confucius berkata:

Apakah maksud yang anda katakan matlamat kesempurnaan itu?

Zi Zhang menjawab:

Semasa menjadi pegawai mesti mempunyai nama, sewaktu mendirikan rumah tangga mesti mempunyai nama.

Confucius berkata:

Ini disebut kenamaan, bukan kesempurnaan.

Zi Zhang bertanya:

Bagaimanakah baru dianggap kesempurnaan?

Confucius berkata:

Nilai kelakuan hendaklah betul dan benar, jika berhadapan dengan sesuatu perkara hendaklah rasional, dan dapat menganalisis kata-kata orang lain, meneliti wajah orang lain dari segi pemikiran, sanggup mengundur diri dari orang lain. Orang seperti ini, sewaktu menjadi pegawai tentu melaksanakan setiap perkara dengan lancar, sewaktu mendirikan rumah tangga tentu melaksanakan setiap perkara dengan lancar.¹⁵

Ada orang berkata kepada Confucius:

Bagaimakah jika kasih sayang digunakan untuk membala dendam?

Confucius berkata:

Sepatutnya keadilan dan ketulusan digunakan untuk membala dendam, kasih sayang digunakan untuk membala kasih sayang.¹⁶

Meng Zi berkata:

Pendidikan juga mempunyai pelbagai jenis: bagi mereka yang saya tidak dapat ajarkan, ini juga merupakan satu jenis pengajaran terhadap mereka.¹⁷

Meng Zi berkata:

(Nilai budi pekerti manusia mempunyai empat darjah). Ada orang yang berkhidmat kepada raja semata-mata kerana hendak mengampu raja; pembesar di dalam negara yang aman menganggap usaha menenteramkan negara sebagai tugas yang menggembirakan; ada rakyat dari langit yang memupukkan ilmu pengetahuan yang mendalam ingin mengetahui adakah pegangan mereka boleh dilaksanakan di seluruh negara; kemudian mereka keluar untuk menyebarkan pegangan mereka. Ada orang besar yang pandai mengubahkan pendirian; mereka hanya membetulkan diri sendiri sahaja; bagi mereka benda luaran dengan sendiri akan dapat dibetulkan.¹⁸

Meng Zi berkata:

Orang yang budiman mempunyai tiga tugas yang menggembirakan dirinya dalam usaha dalam menyatukan seluruh negara (tanpa mementingkan diri sendiri). Tugas pertama yang menggembirakan itu ialah jika kedua-dua ibu bapa masih ada, adik-beradiknya tidak

mendapat bencana dan sihat. Kedua, dia tidak melakukan dosa kepada Tuhan, dan dia tidak bersalah dengan orang ramai. Ketiga, ada manusia yang berbakat di seluruh negara dan dapat memberi pendidikan kepadanya. Orang yang budiman mempunyai tiga tugas yang menggembirakan dalam usaha menyatukan seluruh negara tanpa memikirkan keuntungan diri.¹⁹

NOTA:

1. Konfucius, The Analects, buku XV, bab 38, di dalam The Chinese Classics: Confucius Analects, the Great Learning, and the Doctrine of the Mean, jil.1, terjemahan James Legge dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris (Oxford: Oxford University Press, 1949). Terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.
2. Konfucius, The Analects, buku VII, bab 7, terjemahan James Legge dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris dan terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.
3. Konfucius, The Analects, buku VII, bab 35, terjemahan James Legge dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris dan terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.
4. Mencius, Mencius (tajuk karya), buku VI, bhg. B, bab 2, di dalam Mencius: Translated with an Introduction, terjemahan pengarang dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris (London: Penguin Books, 1970). Terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.
5. Konfucius, The Analects, buku XII, bab 2, terjemahan James Legge dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris dan terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.
6. Obaidullah Haji Mohamad, **Lun Yu: Pembicaraan Confucius**, Dewan Bahasa dan Pustaka Kamenterian Pendidikan Malaysia, 1994. m.s.10.
7. *Lun Yu.*, m.s.10.
8. *Lun Yu.*, m.s.11.
9. *Lun Yu.*, m.s.11.

10. *Lun Yu.*, m.s.13.
11. *Lun Yu.*, m.s.23.
12. *Lun Yu.*, m.s.25.
13. *Lun Yu.*, m.s.28.
14. *Lun Yu.*, m.s.96.
15. *Lun Yu.*, m.s.98.
16. *Lun Yu.*, m.s.122.
17. Obaidellah Haji Mohamad, ***Meng Zi***, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994. m.s.253.
18. *Meng Zi.*, m.s.262.
19. *Meng Zi.*, m.s.262.

3.6 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA SOSOAL

Fan Chi bertanya tentang cara bercucuk tanam.

Confucius berkata:

Saya bukan petani.

Dan bertanya Confucius tentang cara menanam sayur-sayuran.

Saya bukan pekebun sayur.

Fan Chi mengundur diri keluar.

Confucius berkata:

Fan Chi sebenarnya seorang yang hina (berhati kotor). Jika pemimpin menyukai peradaban, rakyat tidak akan berani tidak menghormati. Jika pemimpin menjalankan kerja dengan jujur, tidak ada rakyat yang tidak mengikut perintah. Jika pemimpin jujur, tidak ada rakyat yang tidak bercakap benar. Sekiranya seseorang pemimpin dapat melaksanakan tugasnya hingga ke peringkat ini, rakyat dari empat penjuru alam akan mendukung anak datang mengikutnya. Mengapa kita mesti bercucuk tanam? ¹

Confucius menegaskan bahawa seorang junzi atau Chun Tzu akan mempunyai sifat-sifat kebaikan, termasuk kesederhanaan atau Chung dan kelaziman (normality). Fung Yu-Lan menegaskan bahawa Chung Yung Shuo atau karya Chung Yung juga merujuk kepada Shih Chung, iaitu ‘kesederhanaan’ atau kesesuaian masa, sebagai suata kebaikan moral (moral virtue) yang terdapat pada orang yang bersifat Junzi. **Fung Yu-Lan** menegaskan bahawa sifat Shih Chung adalah sama dengan doktrin kesederhanaan (doctrine of the Mean atau The Golden Mean) yang disampaikan oleh Aristotle dalam karya Nicomachean Ethics:

Konsep kesederhanaan yang disampaikan oleh Aristotle menjadikan garis panduan untuk segala emosi dan tindakan manusia dan (apa yang dianggap sederhana) bergantung kepada masa, tempat dan pihak yang kita temui (semasa kita bertindak). Ini bermaksud tiada peraturan-peraturan tetap yang menentukan (apakah perasaan atau tindakan yang bersifat) sederhana dalam semua keadaan (iaitu dalam keadaan-keadaan yang berlainan).²

Dalam karya Chung Yung, **Mengzi** mengatakan bahawa Shih Chung bererti seseorang Junzi harus menjadi seorang pentadbir pada masa yang sesuai dan betul dan

dia harus memegang jawatan tersebut meskipun keadaan (politik) menjadi huru-hara, seperti contoh yang ditunjukkan oleh Yi Yin. Tetapi apabila masa menjadi sesuai untuk meletak jawatan, maka (seseorang junzi) perlu meletakkan jawatan.

Mengikut Mengzi inilah contoh yang ditunjukkan oleh Confucius.³ **Fung Yu-Lan** menjelaskan bahawa “Mengzi memuji Confucius seorang yang bijak kerana beliau mengetahui masa yang sesuai (untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu). Confucius bukanlah seperti orang-orang lain yang mengikut peraturan yang tetap dan tidak berubah untuk memutuskan sama ada mereka harus menerima sesuatu jawatan ataupun meletakkan sesuatu jawatan”.⁴

Perkara yang penting ialah prinsip Shih Chung merujuk khasnya kepada masa yang sesuai dan betul untuk melakukan (atau tidak melakukan) sesuatu.

Mengikut Mengzi minda manusia ialah bahagian manusia yang istimewa dan terpenting ... kebolehan mendengar dan melihat bukan sahaja terdapat pada manusia, tetapi ia juga terdapat pada binatang. Oleh itu ia merupakan bahagian manusia yang kurang penting ... Jadi seorang manusia yang mengikut nafsu dan keinginan sendiri boleh dianggap sebagai seorang yang mengikut ‘bahagian manusia’ yang kurang penting. Manusia seperti ini ialah manusia yang rendah (Siao Ren), dan ia sama seperti seekor binatang. ‘Fakulti manusia yang menguasai panca indera tidak boleh berfikir, dan ia dipengaruhi oleh benda-benda (yang terdapat di dalam dunia ini). Benda-benda tersebut boleh menarik kita ke jalan atau arah yang tidak betul. Apabila perkara seperti ini berlaku, minda dan kuasa berfikir akan terhancur dan dihapuskan’ ... Dan sebab itulah

terdapat manusia yang jahat (Tetapi) minda kita akan membawa kita ke arah pentaakulan dan keadilan.⁵

NOTA:

1. Obaidullah Haji Mohamad, **Lun Yu: Pembicaraan Confucius**, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994. m.s.104.
2. Fung Yu-Lan. Ibid., m.s. 371.
3. Lihat tasiran Fung Yu-Lan. A History of Chinese Philosophy, vol. 1. Princeton: Princeton University Press, 1973, m.s. 372.
4. Fung Yu-Lan. Ibid., m.s. 372.
5. Fung Yu-Lan. Ibid., m.s. 122-123.

4. AGAMA DAOISME

4.1 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA AGAMA

Sifat-sifat pemikiran Daoisme terkandung dalam sebuah karya yang berasal dari dinasti Zhou (1027-221 S.M.) dan dikenali sebagai **Tao Te Ching**. Karya ini kadang-kadang dikenali sebagai **Lao Tzu** dan pengarangnya dikenali dengan nama yang sama. Tao Te Ching boleh diterjemahkan kepada “Jalan (atau cara) dan kuasanya”.¹ Konsep “Jalan” (Dao) merujuk kepada arah dan cara alam semesta, dan konsep “Kuasa” merujuk kepada kuasa yang diperolehi oleh seseorang yang bersedia mengenepikan cita-cita sendiri untuk mengikut arah alam semesta² (ini merupakan suatu definisi yang agak kasar,

kerana konsep Dao itu merupakan sesuatu yang agak samara dalam fahaman dan pemikiran Daoisme).

Pakar-pakar Daoisme mengatakan:

“Jangan membuat apa-apa; dan jangan melakukan sesuatu”.

Prinsip asas dalam (fahaman) Daoisme ialah seseorang itu patut mengharmonikan diri sendiri dengan prinsip-prinsip utama yang berfungsi dalam alam semesta (universe); dan dia tidak harus menentang prinsip-prinsip tersebut. Semua institusi-institusi yang dibina oleh manusia, dan semua perjuangan dan usaha untuk mencapai cita-cita tertentu, merupakan perkara-perkara yang tidak betul. Walaupun perjuangan dan usaha untuk mencapai cita-cita tertentu adalah tidak betul, ini tidak mengimplikasikan bahawa semua kegiatan atau aktiviti manusia mesti tidak betul. Ia hanya bererti semua usaha untuk mencapai sesuatu yang di luar daripada kemampuan kita (untuk mencapai atau mendapatinya) adalah tidak betul. **Chuang Tzu** (salah seorang pemikir Daoisme dan karya beliau juga dikenali sebagai Chuang Tzu) berkata: ‘Manusia yang memahami syarat-syarat kehidupan tidak akan berusaha untuk mencapai sesuatu yang tidak boleh dicapai dalam kehidupan kita. Manusia yang memahami Syarat-syarat kuasa takdir tidak cuba mengetahui perkara-perkara yang melebihi pengetahuan manusia atau kemampuan manusia untuk mengetahuinya.’³

Apakah yang perlu dibuat atau dilakukan? Jawapan yang diberikan oleh pengikut-pengikut Daoisme ialah wu-wei, iaitu kita tidak harus membuat apa-apa, atau kita tidak harus melakukan sesuatu. Seperti yang tersebut diatas, ini tidak bererti kita sama sekali tidak bergerak, atau tidak melakukan sesuatu dan tidak bertindak. Perkara yang dicadangkan ialah kita tidak patut tidak melakukan sesuatu yang tidak semulajadi dan

tidak spontan. Kita tidak harus berusaha untuk melakukan sesuatu; apa sahaja yang dilakukan perlu dibuat secara spontan dan tanpa sebarang usaha. Perbuatan yang dicadangkan oleh pakar Daoisme itu bersifat spontan, intuitif dan tanpa sebarang usaha kerana ia selaras dengan prinsip-prinsip alam semesta atau “Jalan” semesta. Dan kita harus melakukan perbuatan yang spontan dan selaras dengan prinsip alam semeata kerana perbuatan tersebutlah yang akan berjaya (tidak seperti perbuatan yang dilakukan dengan penuh usaha dan perjuangan yang sentiasa tidak berjaya).

Suatu deskripsi yang jelas terhadap prinsip atama dalam falsafah Daoisme telah disampaikan oleh seorang pakar seni timur bernama **John D. La Plante**: “Lao Tzu (604 S.M.) memberikan tumpuan dan perhatian beliau kepada perhubungan rapat antara manusia dengan alam semesta, dan kepercayaan beliau disampaikan melalui falsafah Daoisme. Apa yang dipanggil sebagai ‘*Dao*’ (Jalan) ialah prinsip asas dan pokok yang mengedarkan seluruh alam semesta, dan manusia cuma merupakan satu manifestasi (dan satu bahagian) daripada alam semesta tersebut. Tujuan atama dalam fahaman Daoisme ialah untuk mengharmonikan seseorang individu dengan kuasa asas dalam dunia alam semesta”.⁴

Terdapat suatu kuasa asas yang menggerakkan seluruh dunia kita atau seluruh alam semesta; suatu kuasa yang menjalin dan menyatukan semua unsur-unsur dan elemen-elemen dalam alam semesta supaya ia dijadikan satu unit tertentu. Setiap individu merupakan sebahagian daripada alam semesta (dia bukan terpisah daripada alam semesta). Oleh demikian seorang manusia atau individu harus menghamonikan dirinya dengan kuasa asas alam semesta ini. Menghamonikan diri kita dengan kuasa asas

tersebut bererti kita menerima operasi kuasa itu. Kita menerima kelahiran kita, operasi kejadian-kejadian semulajadi yang berlaku sepanjang hidup kita dan kemudian kematian kita. Itulah yang boleh dianggap sebagai takdir kita. Dan apabila kita menerima operasi kuasa alam semesta ini kita akan mencapai ketenteraman dan ketenangan jiwa dan kita tidak lagi menghadapi gangguan seperti perasaan dukacita ataupun perasaan kegembiraan.

Chuang Tzu menegaskan bahawa “alam semesta ini merupakan suatu penyatuan semua benda atau unsure di seluruh dunia. Jika seseorang itu memahami dan mengenalpasti penyatuan alam semesta ini, maka dia tidak lagi menghargai bahagian-bahagian tubuhnya sebagai sesuatu yang lebih penting daripada sampah (sampah itu sebagai tubuhnya merupakan sebahagian daripada alam semesta ini); dan perkara-perkara seperti sama ada dia hidup atau mati atau sama ada sesuatu prose situ tamat atau bermula, tidak lagi mengganggu (fikirannya). Dia akan berasa tenang dan tenteraman jiwa dan perkara-perkara tersebut tidak mengganggu pemikirannya lagi, seperti perubahan daripada waktu siang ke waktu malam yang juga mengganggunya sama sekali.”⁵ Apabila kita sudah memahami operasi Dao dan corak peristiwa dan kejadian alam semesta dan dunia ini, kita menyerahkan diri kepada operasi kuasa tersebut dan kita tidak akan dan tidak perlu berjuang atau melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kuasa tersebut.

Gung-Hsing Wang menegaskan bahawa Dao boleh mempunyai pelbagai manifestasi, dan salah satu daripadanya ialah ‘keadaan normal’ atau lazim.⁶ Peristiwa dan kejadian dalam alam semesta mempunyai aturan dan arah tertentu dan oleh itu kegiatan manusia dan perhubungan antara manusia juga patut mempunyai aturan dan arah yang

sama. Ini bererti kita boleh mentafsirkan prinsip mengikut ‘keadaan normal’ sebagai percubaan untuk membayangkan keadaan teratur (regularities) yang terdapat dalam alam semesta ke atas segala kegiatan manusia dan perhubungan antara manusia. **Wang** merujuk kepada keadaan teratur dalam alam semesta secara berikut:

Jika alam semesta atau universe ini mengubah corak dan keadaan terurnya, ia tentu akan tamat fungsinya. Jika matahari terbit di sebelah Barat dan jatuh di sebelah Timur, ini akan merupakan suatu keadaan yang amat ganjil. Tetapi keadaan seperti ini tidak berlaku dalam alam semesta kerana ia bertentangan dengan (proses) Dao. Manusia juga memahami keadaan ini. Seseorang itu tidak menjangka musim bunga berlaku selepas musim panas, ataupun musim luruh berlaku selepas musim sejuk. Seseorang itu juga mengetahui bahawa padi yang perlu ditanam pada musim bunga tidak boleh ditanam pada musim sejuk. Sebenarnya manusia mempunyai pengetahuan luas mengenai proses alam semesta; walaupun demikian dia tidak sedar bahawa prinsip yang sama perlu diaplikasikan terhadap hal dan kegiatan manusia.⁷

Gung-Hsing Wang menegaskan bahawa sifat tidak memperdulikan diri sendiri (selflessness) merupakan satu lagi manifestasi Dao.⁸ mempunyai sifat ini ialah akibat daripada preskripsi Lao Tzu supaya kita menyerahkan diri kepada prinsip asas atau proses alam semesta. Apabila kita menganggap diri kita hanya sebagai sebahagian daripada alam semesta, dan juga sebagai sebahagian daripada proses yang menguasai alam semesta, maka kita tidak lagi mempedulikan apa sahaja yang berlaku kepada diri kita. Kita tidak lagi mmpedulikan sama ada sesuatu yang berlaku kepada diri kita itu adalah baik atau buruk; dan sama ada ia menyenangkan kita ataupun akan menyakiti kita.

Dan sikap seperti ini akan menjamin supaya kita berasa tenang, dan bebas daripada sebarang kebimbangan, kegelisahan dan kekhawatiran (kita hanya akan berasa bimbang jika kita takut akan peristiwa-peristiwa masa depan yang boleh merugikan kita ataupun mempersakiti kita; tetapi sikap Daoisme melibatkan penghapusan perasaan bimbang ini). Jadi kita akan berharmoni dengan diri sendiri. **Wang** menegaskan perkara ini dengan cara berikut:

Kebanyakan masalah, kebimbangan dan keadaan tidak bahagia berasal daripada keengganan kita untuk berpisah daripada kepentingan diri sendiri. Kita boleh merujuk kepada perasaan bimbang sebagai contoh. Terdapat orang yang berasa bimbang kerana ingin mempertahankan diri sendiri. Mereka berasal takut atas kemungkinan sesuatu yang tidak diingini berlaku kepada diri mereka atau kepada harta mereka. Terdapat manusia lain pula yang berasa bimbang dengan cara agresif; mereka sentiasa memikirkan cara untuk menjadi lebih kaya dan cara untuk memperluaskan harta-benda mereka. Asas perasaan bimbang ini ialah sikap kita yang suka memikirkan kepentingan diri kita sendiri.⁹

Sikap ini mengimplikasikan bahawa kita tidak patut berasa takut atau bimbang tentang kematian diri kita. Mengikut seseorang watak dalam **karya Chuang Tzu**:

Apabila kematian muncul, ini kerana masa menjadi sesuai untuk kehidupan muncul. Apabila seseorang itu mati, ini merupakan suatu susunan peristiwa yang patut berlaku dalam alam semesta dan dunia ini dengan perasaan tenang, dan kita cuma menyaksikan peristiwa-peristiwa itu tanpa gangguan perasaan, maka kita telah sampai ke tahap dimana kita tidak lagi diganggu oleh perasaan dukacita atau gembira. (Seseorang

yang mencapai tahap ini) dianggap olah tokoh-tokoh masa kuno sebagai ‘seorang yang telah dibebaskan daripada perhambaan’¹⁰

Sebenarnya seorang yang mengambilbahagian dalam proses alam semesta (dan ini termasuk kematian orang tersebut) akan berasa tenang dan seronok. Mengikut **Creel**:

Seorang ahli falsafah Daoisme bukan sahaja menyerahkan dirinya kepada perjalanan dan proses alam semesta yang melibatkan kematian (ahli falsafah tersebut), tetapi dia juga berasa seronok (semasa dia) menyaksikan peristiwa-peristiwa semulajadi itu; dan dia akan mengidentifikasi diri sendiri dengan proses kosmik yang menyeruruh itu.¹¹

Sikap Daoisme memang begitu: kita tidak boleh mlarikan diri daripada perubahan dan proses alam semesta kerana kita memang sebahagian daripada suatu proses lebih besar dan menyeruluh di alam semesta. Kita tidak boleh menjauhi diri kita ataupun mlarikan diri kita daripada proses tersebut. Oleh demikian, sikap yang lebih berfaedah dan bermanfaat ialah untuk menerima proses ini dan kemudian menyelaraskan setiap kegiatan dan aktiviti kita dengan proses tersebut.

NOTA:

1. Lihat Bamber Gascoigne. *The Treasures and Dynasties of China*. London: Jonathan Cape Ltd., 1973, m.s. 46.
2. Lihat Bamber Gascoigne. *Ibid.*, m.s. 46.
3. Herrlee G.Creel. *Chinese Thought: From Confucius to Mao Tse-Tung*. Chicago: The University of Chicago Press, 1975, m.s. 103. Terjemahan pengarang.
4. John D. La Plante. *Asian Art*. Edisi ketiga. Wm. C. Brown Publishers, 1982, m.s. 104. Terjemahan pengarang.

5. Dakwaan Chuang Tzu ini terdapat dalam karya Herrlee G. Creel. Chinese Thought from Confucius to Mao Tse-Tung, Chicago: The University of Chicago Press, 1975, m.s. 100-101. Terjemahan pengarang.
6. Gung-Hsing Wang. The Chinese Mind. Westport, Connecticut: Greenwood Press, 1971, m.s. 62-65.
7. Gung-Hsing Wang. Ibid., 63. Terjemahan pengarang.
8. Gung-Hsing Wang. Ibid., 67-68.
9. Gung-Hsing Wang. Ibid., 68.
10. Dakwaan Chuang Tzu ini terdapat dalam karya Herrlee G. Creel. Chinese Thought from Confucius to Mao Tse-Tung, Chicago: The University of Chicago Press, 1975, m.s.101.
11. Herrlee G.Creel. Ibid., m.s. 101.

4.2 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA PENDIDIKAN

Mengikut **Fung Yu-Lan**, tokoh-tokoh Daoisme ini telah memberikan preskripsi berikut; (1) perbuatan kita mestilah dilakukan secara semulajadi; (2) perbuatan kita mestilah merupakan perbuatan yang diperlukan (necessary action).¹ Dan konsep wu-wei merujuk kepada perbuatan yang mempunyai cirri-ciri (1) dan (2).

Perbuatan yang dilakukan secara semulajadi merujuk kepada perbuatan yang dilakukan tanpa usaha keras, tanpa usaha tegas dan tanpa usaha hebat. Ataupun ia merupakan perbuatan yang dilakukan tanpa sesuatu yang tak asli (ia tidak mempunyai artificiality). Dan perbuatan spontan memang merupakan satu jenis perbuatan yang

dilakukan secara semulajadi (kerana suatu perbuatan yang spontan tidak melibatkan usaha keras daripada pihak yang melakukan perbuatan tersebut).²

Selain daripada perbuatan yang dilakukan secara semulajadi, wu-wei juga bererti perbuatan yang dilakukan mestilah suatu perbuatan yang diperlukan. Ini bererti perbuatan yang dilakukan itu mestilah diperlukan untuk mencapai sesuatu tujuan atau objektif tertentu, dan ia tidak boleh mempunyai perkara-perkara yang berlebihan. Ini bermaksud membuat sesuatu sehingga melampau atau terlebih daripada yang patut merupakan suatu kesalahan serius, dan ia boleh menjelaskan objektif kita. Untuk menjelaskan perkara ini,

Fung Yu-Lan merujuk kepada contoh berikut:

Terdapat suatu cerita Cina popular berkenaan dengan dua orang yang bertanding dalam usaha melukis seekor ular; pihak yang lebih cepat menghabiskan lukisannya akan menjadi orang yang memenangi pertandingan tersebut. Salah seorang dalam pertandingan itu menghabiskan lukisannya dalam masa yang singkat, dan dia mengetahui bahawa pihak lawannya masih belum menghabiskan lukisannya. Oleh itu dia cuba memperbaiki lukisannya, dan dia melukis kaki pada ular yang sudah dilukis itu. Apabila pihak lawannya melihat apa yang berlaku, dia berkata: ‘Anda sudah kalah dalam pertandingan ini, kerana seekor ular memang tidak mempunyai kaki’.³

Cerita tersebut menunjukkan bahawa membuat sesuatu secara melampau atau terlebih daripada sesuatu secara melampau atau terlebih daripada yang patut boleh menjelaskan objektif dan tujuan kita. Tokoh-tokoh Daoisme berpendapat bahawa adalah lebih baik untuk membuat sesuatu secara berkurangan, daripada membuat sesuatu secara berlebihan atau terlebih daripada yang patut. Ini kerana melakukan sesuatu secara berlebihan itu lebih berbahaya daripada melakukannya secara berkurangan.⁴

Mengikut **Wang**: “Manusia selalunya bertindak secara bertentangan dengan prinsip Dao. Walaupun manusia merupakan sebahagian daripada proses dan corak alam semesta, dia masih berdegil dan dia selalu cuba membebaskan diri daripada prinsip alam semesta yang sepatutnya melibatkan semua di dalam universe ini. Sepatutnya manusia harus menerima keadaan normal, tetapi sebaliknya manusia menghargai perkara-perkara yang luar biasa dan tak lazim ... Manusia menghargai perkara-perkara ciptaan manusia sendiri. Lao Tzu merujuk kepada kecantikan dan kebaikan moral (virtue) sebagai dua contoh ciptaan manusia yang dihargai oleh manusia sendiri”.⁵

Kenapa manusia menghargai perkara-perkara seperti kecantikan dan kebaikan moral? Hal demikian kerana manusia menghargai perkara-perkara yang luar biasa. Oleh itu, hakikat yang manusia menghargai kecantikan sudah membuktikan bahawa dunia ini dipenuhi dengan benda dan perkara yang hodoh dan tak elok. Dan hakikat yang manusia menghargai kebaikan moral sudah membuktikan bahawa dunia ini dipenuhi dengan perbuatan jahat. Ini bermaksud manusia melakukan kesalahan-kesalahan berikut: (1) manusia menghargai perkara-perkara yang tak lazim dan tidak normal (dan ini bertentangan dengan sikap Dao, kerana prinsip Dao adalah berkenaan dengan kelaziman dan perkara normal); dan (2) manusia menghargai ciptaan sendiri (ini kerana perkara-perkara seperti kecantikan, keburukan moral, kebaikan moral dan lain-lain lagi, merupakan ciptaan manusia sendiri). Tambahan pula, manusia telah membahagikan dunia ini kepada dua bahagian bertentangan (perkara cantik bertentangan perkara hodoh dan tak elok, kebaikan moral bertentangan kejahatan, dan lain-lain lagi). Pembahagian ini berdasarkan criteria-kriteria yang merupakan ciptaan manusia sahaja. Ini suatu kesalahan

serius kerana alam semesta dan universe kita merupakan satu unit (unified whole) dan ia tidak boleh dan tidak petut dibahagikan. Tambahan pula, pembahagian ini menghalang perhubungan antara manusia (dan perhubungan harmoni penting kerana kita semua berada dalam universe yang sama).⁶ Penjelasan **Lao Tzu** ialah:

Jika manusia mengetahui kecantikan, ini bererti terdapat benda dan perkara yang hodoh dan tidak elok. Jika kita mengetahui kebaikan moral, ini bererti kejahatan wujud dalam dunia ini ... Kita menghormati sambil menghargai manusia yang bersikap moral dan berani kerana cara hidup yang tulen dan betul tidak wujud. Dalam keadaan tersebut, orang bijak timbul di kalangan manusia hipokrit yang hanya berpura-pura sahaja; tanggungjawab dan kehormatan terhadap ibu-bapa (filial piety) dihargai kerana keluarga sekarang tidak lagi berada dalam keadaan harmoni; dan kita menghargai pekerja awam yang taat setia kerana seluruh negara kita berada dalam keadaan huru-hara ... Jadi seorang guru yang bijaksana itu bertindak, dia tidak melakukan sebarang perbuatan, dan apabila dia bercakap, dia hanya berdiam diri sahaja ... Dao tidak melibatkan sebarang perbuatan; walaupun demikian ia melakukan semua perkara yang perlu dilakukan ...⁷

Dengan nilai-nilai ciptaan manusia, kita telah membahagikan alam semesta dan universe ini kepada dua bahagian berasingan dan bertentangan (kecantikan bertentangan dengan benda yang tidak elok, manusia yang mempunyai kebaikan moral bertentangan dengan manusia yang jahat, dan lain-lain lagi). Oleh kerana alam semesta kita sebenarnya merupakan satu unuk yang tidak patut dibahagikan, maka kita harus bertindak untuk menghapuskan pembahagian seperti ini.

Cadangan **Lao Tzu** ialah kita “tidak bertindak dan tidak melakukan sebarang perbuatan”, dan kita harus “berdiam diri sahaja”. Cadangan ini boleh bererti kita tidak

patut mempunyai cita-cita untuk menghapuskan perkara-perkara seperti kejahatan, perkara yang hodoh dan tak elok, dan lain-lain lagi; dan kita juga tidak patut berusaha untuk mengekalkan kebaikan moral, keberanian, kecantikan dan lain-lain lagi. Kita hanya perlu menyerahkan diri kepada Dao, dan dikuasai oleh Dao (iaitu prinsip asas alam semesta). Jadi sikap yang betul ialah kita tidak perlu bertindak atau melakukan sebarang perbuatan (iaitu perbuatan untuk mengekalkan nilai-nilai ciptaan kita seperti kebaikan moral, kesaksamaan dan lain-lain lagi). Jika kita menerima sikap tersebut, maka dunia ini tidak lagi dibahagikan kepada dua kumpulan nilai-nilai yang bertentangan dan yang juga tidak berharmoni.

NOTA:

1. Fung Yu-Lan. A shout history of Chinese philosophy.Ed.bodde, Derk. New York: The Free Press, 1966, m.s. 100-101.
2. Lihat Fung Yu-Lan.Ibid., m.s.100-101.
3. Fung Yu-Lan.Ibid., m.s.100.Terjemahan pengarang.
4. Fung Yu-Lan.Ibid., m.s.100.
5. Gung-Hsing Wang. Ibid., 63. Terjemahan pengarang.
6. Gung-Hsing Wang. Ibid., 63-64.
7. Gung-Hsing Wang. Ibid., 64.

4.3 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA SOSIAL

Chuang Tzi sendiri memberikan contoh untuk menyokong hujah beliau. Mengikut beliau, seseorang pemanah bolah menunjukkan kemahiran dan kebolehannya secara maksima jika hadiah yang diberikan untuk usaha yang berjaya hanya merupakan sebuah pinggan mangkuk tanah liat. Tetapi jika memberikan sebuah kepala tali pinggan logam sebagai hadiah, pemanah tersebut akan lebih berhati-hati dan mungkin tidak berjaya mencapai sasarannya. Dan jika kita memberikan sebuah barang emas sebagai hadiah, pemanah tersebut akan berasa terlalu tegang dan dia akan sama sekali tidak berjaya mencapai sasarannya.¹ Kita juga boleh merujuk kepada contoh-contoh daripada kehidupan seharian. Seseorang yang mempelajari cara memandu sebuah kereta tidak akan memandu dengan lancar jika dia terlampau berwaspada dan berhati-hati, sehingga dia memikirkan setiap perbuatan sebelum dia melakukannya. Tetapi seorang pemandu yang melakukan setiap pergerakan secara normal, lazim dan spontan akan memandu keretanya dengan lebih lancer dan cekap. Hal yang sama berlaku apabila seseorang itu mempelajari cara menunggang basikal. Seorang yang terlalu berhati-hati dan memikirkan setiap gerak-geri sebelum dia melakukannya tentu tidak akan berjaya menunggang basikalnya. Tetapi seorang yang tidak berfikir tentang gerak-gerinya, dan cuma melakukan perbuatannya secara spontan dan intuitif akan berjaya menunggang basikalnya. Perkara yang sama terdapat dalam aksi seorang pemain badminton yang handal. Pemain itu tidak memikirkan setiap gerak-geri sebelum dia melakukannya; kebanyakan gerak-gerinya dilakukan secara spontan dan intuitif. Hanya cara inilah yang akan menjamin kejayaan dalam pencapaian sasaran kita.

Pakar-pakar Daoisme menegaskan bahawa seorang mabuk yang jatuh mungkin tidak cedera kerana dia berasa rehat dan tak tegang, tetapi seorang yang tidak mabuk dan berfikiran waras memang akan cedera selepas dia jatuh.²

Memang benar bahagian pemikiran yang tidak disedari itu memainkan peranan yang penting dalam kebanyakan kegiatan dan perbuatan; terutamanya perbuatan yang melibatkan kemahiran tertentu seperti cara melancarkan anak panah kepada sasarannya, cara menunggang basikal, cara memandu kereta dengan cekap, cara bermain badminton dengan cukup handal, cara melukis sebuah gambar yang menarik, cara memandu sebuah kapal terbang jet dengan cekap dan lain-lain lagi.

Daoisme bukan sahaja menegaskan kepentingan menyelaras diri dengan proses alam semesta, ia juga menolak percubaan manusia untuk membina institusi-institusi social dan memperkenalkan nilai-nilai ciptaan manusia. Ini kerana Daoisme menganggap semua institusi social dan nilai-nilai ciptaan manusia sebagai perkara-perkara yang menghalang kita mengharmonikan diri dengan Dao. Mengikut **Creel**, fahaman Daoisme menegaskan bahawa kita tidak patut menentang prinsip-prinsip asas dalam alam semesta; dan semua percubaan untuk membina institusi-institusi social (yang merupakan sesuatu yang artificial, atau yang merupakan ciptaan manusia) dan semua usaha untuk memperkenalkan undang-undang social (yang juga merupakan ciptaan manusia), serta usaha dan perjuangan untuk mencapai cita-cita tertentu adalah tidak betul. Hal ini kerana kegiatan-kegiatan tersebut bertentangan dengan proses atau prinsip asas dalam alam semesta.³ Kita telah menunjukkan bahawa ini tidak bererti segala kegiatan, perbuatan dan aktiviti manusia dianggap sebagai salah (atau dianggap sebagai bertentangan dengan

proses dan prinsip asas alam semesta). Misalnya perbuatan yang dilakukan secara spontan dan natural (yang juga merupakan perbuatan yang dilakukan mengikut intuisi asli dan bukan mengikut suatu pentaakulan yang kompleks) ialah kegiatan yang berharmonis dengan proses asas alam semesta.⁴

Seseorang pakar Daoisme berhak untuk menegaskan bahawa kegiatan-kegiatan seperti cara menghabiskan kerja-kerja dalam pejabat, cara menjual sebuah kereta atau rumah, cara mengurus sebuah syarikat besar, cara membuat persiapan untuk mencapai kejayaan dalam sukan yang bercorak kompetitif atau cara untuk menyediakan diri untuk menduduki peperiksaan, kesemuanya merupakan kegiatan-kegiatan yang tidak selaras dengan proses alam semesta. Ini kerana kegiatan-kegiatan tersebut berasal dari institusi-institusi yang dibina oleh manusia. Kegiatan-kegiatan ini juga merupakan akibat daripada undang-undang dan peraturan-peraturan ciptaan manusia (seperti seorang penuntut yang berjaya harus mencapai kelulusan dalam peperiksaan, seorang pengurus kilang yang berjaya harus mengurus syarikatnya dengan cara yang efektif, seorang pemuda yang berjaya mesti mencapai kejayaan dalam bidang akademik dan juga bidang permainan dan sukan, dan lain-lain lagi).

Oleh demikian ia memerlukan perjuangan serta rancangan yang terliti dan berkesan untuk berjaya. Seseorang yang sudah memahami konsep Dao tidak perlu (dan memang tidak akan) terlibat dalam kegiatan-kegiatan tersebut.

NOTA:

1. Lihat Herrlee G.Creel. Ibid., m.s.105-106.
2. Herrlee G.Creel. Ibid., m.s.106.Terjemahan pengarang.
3. Herrlee G.Creel. Ibid., m.s.103.
4. Herrlee G.Creel. Ibid., m.s.103.

5. AGAMA BUDDHA

5.1 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA POLITIK

SEPULUH TUGAS-TUGAS RAJA

1. Kemurahan hati, sifat liberal dan sifat kedermawan (dana). Pemerintah tidak harus mempunyai nafsu kuat dan terlalu terikat kepada kekayaan serta harta benda tetapi harus bermurah hati demi kebajikan rakyat.
2. Mempunyai moral yang tinggi (sila). Baginda tidak harus membinasakan nyawa, mencuri, mempergunakan orang, berzina, berdusta dan mengambil minuman yang memabukkan. Baginda mesti sekurang-kurangnya mengamalkan Lima Peraturan Hidup iaitu Panca Sila.
3. Sanggup mengorbankan segala-galanya demi kebaikan rakyat (paricagga), baginda bersedia untuk melepaskan semua keselesaan hidupnya dan juga sanggup menggadaikan nyawanya demi kepentingan rakyat.
4. Mempunyai kejujuran dan ketulusan hati (ajjava). Baginda mesti bebas daripada ketakutan atau sifat bias semasa perlaksanaan tugas-tugasnya, mesti ikhlas dalam tujuannya dan tidak harus menipu orang ramai.
5. Baik hati dan bersifat lemah-lembut (maddava). Baginda mesti memiliki suatu perangai yang ramah-tamah.
6. Kebiasaan berjimat cermat (tapa). Baginda mesti mengamalkan cara hidup yang sederhana dan tidak terjerumus dalam kehidupan yang mewah. Beliau harus mampu mengawal dirinya.
7. Bebas daripada kebencian, dendam, permusuhan (akkodha). Baginda tidak harus menyimpan dendam terhadap sesiapa pun.

8. Tanpa kekerasan (ahimsa) bermakna baginda bukan sahaja tidak melakukan sesuatu yang jahat kepada orang lain tetapi juga harus cuba untuk mengekalkan keamanan dengan mengelakkan dan menjauhkan diri daripada perperangan dan segala yang melibatkan kekerasan serta kebinasaan nyawa.
9. Kesabaran, ketabahan, toleransi (khanti). Baginda mesti dapat menanggung kesengsaraan, kesukaran dan cemuh tanpa menjadi marah.
10. Tidak menentang dan menyekat (avirodha) iaitu baginda tidak harus menentang kehendak rakyat dan tidak harus menyekat sebarang yang penting untuk rakyatnya. Dalam erti kata lain, baginda mesti memerintah rakyat beliau dalam keadaan yang harmoni dengan kehendak rakyat.

Semasa kehidupan Buddha, ada pemerintah yang menguasai negara mereka dengan tidak adil seperti hari ini. Rakyat ditindas dan dieksplorasi, diseksa dan cukai yang terlampaui tinggi dikenakan serta hukuman yang zalim telah dijatuhkan. Buddha berasa sedih melihat tindakan-tindakan yang tidak berperikemanusiaan tersebut dan telah menurunkan sepuluh tugas-tugas seseorang pemerintah. Ini adalah untuk membimbing pemerintah serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

5.2 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA EKONOMI

Buddha berpendapat bahawa kebijakan ekonomi merupakan faktor kebahagiaan manusia, tetapi perkembangan moral dan kerohanian adalah perlu untuk kehidupan yang bahagia, aman dan tenteram.

Seorang lelaki yang bernama **Dighajantu** pernah melawat Buddha dan berkata, 'Yang Mulia, kami merupakan lelaki biasa yang menjalani kehidupan berkeluarga bersama isteri dan anak-anak. Sudikah Yang Mulia mengajar kami doktrin yang boleh membawa kebahagiaan di dunia ini dan yang kemudian?'

Buddha memberitahunya bahawa terdapat empat perkara yang boleh memberi seseorang kebahagiaan dalam dunia ini.

Pertama: dia perlu mahir, cekap, bersungguh-sungguh dan cergas dalam apa jua pekerjaan yang dibuatnya, dan dia perlu mengenal dan memahaminya dengan baik (*utthana-sampada*);

Kedua: dia perlu mengawasi hasil pendapatannya yang telah diperoleh secara halal, dengan titik peluh (*arakkha-sampada*);

Ketiga: dia harus mempunyai sahabat-handai yang baik (*kalyana-mitta*) yang taat, terpelajar, berbudi, liberal dan arif, yang akan memimpinnya sepanjang jalan benar, menjauhi kejahanatan;

Keempat : dia perlu mengawal perbelanjaannya, berpadanan dengan pendapatannya, tidak terlalu banyak atau terlalu sedikit. Contoh, dia tidak harus terlalu tamak menyimpan harta kekayaannya ataupun terlalu boros - dengan erti kata lain, dia harus hidup mengikut kemampuannya (*sama-jivikata*).

Seterusnya Buddha menkhutbahkan empat kebaikan yang akan membawa kebahagiaan pada kehidupan yang akan datang:

(1) *Saddha*: dia harus mempunyai ketiautan dan keyakinan terhadap nilai-nilai moral, kerohanian dan intelek;

(2) *Sila*: dia harus mengelakkan daripada membunuh dan mencederakan makhluk hidup, mencuri dan menipu, berzina, berbohong dan mengambil minuman memabukkan;

(3) *Caga*: dia harus melakukan kerja amal, murah hati, tanpa perpautan dan nafsu terhadap harta kekayaannya;

(4) *Panna*: dia harus memperkembangkan kearifannya yang akan membawa kepada penghapusan kesengsaraan, membawakan kepada kesedaran *Nibbana*.

Kadang-kala Buddha menerangkan secara terperinci tentang cara-cara menyimpan dan membelanjakan wang. Umpamanya Buddha memberitahu *Sigala* - seorang pemuda lelaki bahawa dia harus membelanjakan satu perempat daripada pendapatannya ke atas perbelanjaan harian, separuh untuk pelaburan semula dalam perniagaannya dan satu perempat untuk kecemasan.

Buddha pernah memberitahu *Anathapindika*, seorang tuan punya bank yang masyhur. Dia merupakan salah seorang pengikut Buddha yang amat taat, dia juga telah mengasaskan vihara *Jetavana* yang terkenal di Savatthi untuk Buddha. Buddha memberitahunya bahawa seorang insan biasa yang menjalani kehidupan berkeluarga menikmati empat jenis kebahagiaan. Kebahagiaan yang pertama ialah mempunyai kekayaan yang mencukupi dan jaminan ekonomi, yang diperoleh melalui kaedah yang jujur dan betul (*atthi-sukha*); kedua ialah membelanjakan kekayaannya secara liberal untuk diri sendiri, keluarga, sahabat serta saudara-mara, dan atas perbuatan-perbuatan berpahala (*bhoga-sukha*); ketiga ialah bebas daripada sebarang hutang (*anana-sukha*); keempat ialah menjalani kehidupan yang suci dan bebas daripada kecelaan, tanpa

melakukan kejahanan sama ada dalam bentuk fikiran, pertuturan ataupun perbuatan (*anavajja-sukha*).

Ingin ditekankan di sini bahawa tiga kebahagiaan pertama hanyalah kebahagiaan berbentuk material dan kebendaan 'tidak dapat dibandingkan dengan' kebahagiaan rohani yang muncul hasil daripada kehidupan suci dan tanpa kecelaan.

Daripada beberapa contoh yang diberikan di atas, kita dapat lihat bahawa Buddha menganggap kesejahteraan ekonomi sebagai satu faktor kebahagiaan manusia. Tetapi Buddha menolak sekiranya kemajuan yang dicapai hanyalah dalam bentuk material sahaja, tanpa berdasarkan kerohanian dan moral. Sambil menggalakkan kemajuan material, Buddhisme sentiasa menitikberatkan perkembangan moral dan rohani peribadi insan untuk melahirkan satu masyarakat yang bahagia, aman dan tenteram.

Ramai orang berpandangan bahawa untuk menjadi seorang Buddhis yang baik, dia mestilah meninggalkan kehidupan dunia. Ini adalah tidak benar. Apa yang diajar oleh Buddha ialah kita boleh menikmati keselesaan dunia yang tidak melampau, tetapi pada masa yang sama, kita mesti sentiasa memperkembangkan aspek kerohanian dalam hidup kita. Sebagai seorang manusia biasa, kita boleh menikmati keseronokan deria tetapi kita tidak harus berpaut terhadap keseronokan tersebut sehingga ia menghalang kemajuan rohani kita. Buddhisme menekankan pentingnya untuk seseorang itu mengikuti Jalan Tengah.

5.3 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA KELUARGA

Kepercayaan umum bahawa seseorang terpaksa meninggalkan kehidupan berkeluarga biasa untuk mengikuti ajaran Buddha adalah satu salah faham. Ia sebenarnya

merupakan satu alasan tanpa disedari untuk tidak mempraktik Buddhisme. Terdapat banyak contoh dalam kesusasteraan Buddhis mengenai kaum lelaki dan wanita yang menjalani kehidupan biasa dan berkeluarga, tetapi mempraktik ajaran Buddha dan mencapai Nibbana. *Vacchagotta*, seorang pengembara pernah bertanya secara terus-terang kepada Buddha sama ada terdapat kaum lelaki dan wanita yang hidup berkeluarga berupaya mengikuti ajarannya dengan baik dan mencapai tahap kerohanian yang tinggi. Buddha menyatakan bahaya terdapat ramai kaum lelaki dan wanita yang menjalani kehidupan berkeluarga yang telah mengikuti ajarannya dan mencapai tahap kerohanian yang tinggi.

5.4 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA AGAMA

Ajaran *Dhamma* merangkumi empat kebenaran mulia iaitu *Dukka*, *Samudaya*, *Niradha* dan *Marga*. *Dukka* ialah penderitaan, kesengsaraan. *Samudaya* pula adalah punca kepada penderitaannya di mana keinginan, nafsu dan sebagainya. *Niradha* pula ialah penghapusan penderitaan dengan memadamkan api keinginan di hati sementara *Marga* pula ialah cara memadamkan api keinginan termasuklah melalui kepercayaan yang betul, tujuan yang betul dan sebagainya.

Ajaran Buddha turut menekankan keperibadian mulia dan moral yang tinggi bagi membebaskan diri dari keburukan. Antara kemuliaan yang dituntut termasuklah tidak menjalankan upacara pengorbanan yang melibatkan darah, tidak memuja Brahma (Phra Prom) dan sebagainya. Ini diikuti dengan renungan (*samadhi*) kesedaran (*Prajna*) dan mencapai *Samabodhi* atau mengetahui kebenaran sepenuhnya dan terakhirnya akan mencapai *nirvana*. *Nirvana* merupakan suatu keadaan di mana sesuatu makhluk melepas

segala ikatan dengan dunia. Oleh kerana agama Buddha tidak mementingkan konsep ketuhanan maka seseorang Buddha itu akan hanya mencapai nirvana dengan menggunakan Buddha sebagai teladan atau mencapai peringkat Buddha atau keagamaan.

sepuluh Dasa Paramita atau 10 Kesalihan Bodhisattva yang diajar oleh Buddha ialah:-

1. Dana - kedermawan (wakaf)
2. Sila - kesusilaan
3. Nekkhamma - peninggalan kehidupan dunia
4. Panna - kearifan
5. Viriya - kegigihan
6. Khanti - kesabaran
7. Sacca - kebenaran
8. Adhitthana - tekad
9. Metta - kasih sayang suci
10. Upekkha - ketenangan hati

Dalam Buddhisme, seseorang diingatkan bahawa dia adalah waris Karmany dan penentu nasib dirinya. Demi mencapai kebahagiaan muktamad, dia mesti bersedia melepaskan keseronokan sementara. Walaupun seseorang tidak mempercayai kehidupan selepas kematian, tetapi adalah memadai untuk dia menjalani satu kehidupan yang baik dan mulia di dunia ini, menikmati keamanan dan kebahagiaan hidup di sini sekarang, di samping melakukan perbuatan demi manfaat dan kebahagiaan orang lain. Menjalani satu kehidupan yang positif dan berguna di muka bumi ini dan menghasilkan kebahagiaan

untuk dirinya sendiri dan orang lain adalah jauh lebih baik daripada kehidupan yang mementingkan diri, yang mencuba memenuhi ego dan ketamakan diri.

Sekiranya, seseorang mempercayai wujudnya kehidupan selepas kematian, maka mengikut hukum Karma, kelahiran semula akan berlaku berdasarkan kualiti perbuatannya. Seseorang yang telah melakukan banyak perbuatan berpahala akan dilahirkan dalam keadaan dan persekitaran yang baik; dia akan menikmati kekayaan dan kejayaan, kecantikan dan kekuatan, kesihatan yang baik dan bertemu dengan sahabat serta guru yang baik dan berkerohanian tinggi. Perbuatan berpahala juga boleh membawa kepada kelahiran semula di alam syurga dan alam bahagia yang lain. Manakala perbuatan keji pula membawakan kepada kelahiran semula di alam yang menderita. Apabila seseorang memahami Hukum *Karma*, dia akan berusaha menghindari perbuatan keji dan cuba melakukan kebaikan sahaja. Dengan berbuat demikian, dia mendapat manfaat bukan sahaja dalam kehidupan ini, malah pada kehidupan-kehidupan akan datang.

Dalam proses perubahan diri, seseorang tidak lagi mengharapkan kelahiran abadi sebagai matlamat utama kehidupannya. Dia akan menetapkan matlamat yang lebih tinggi, mencontohi Buddha yang telah mencapai puncak kesempurnaan manusia dan telah sampai ke tahap yang tidak terperi, yang dikenali sebagai pencerahan atau *Nibbana*. Di sinilah manusia memupuk keyakinan yang amat tinggi terhadap Tiga Permata dan mengambil Buddha sebagai matlamat kerohanian yang paling ideal. Dia akan berusaha gigih untuk menghapuskan ketamakan, memperkembangkan kearifan dan belas kasihan, dan bebas daripada ikatan *Samsara* sepenuhnya.

Setiap orang mempunyai keupayaan untuk menjadi Buddha jika dia berazam untuk mencapainya dan berusaha bersungguh-sungguh. Menurut Buddha, kedudukan

manusia adalah agung. Manusia ialah tuannya sendiri dan tiada makhluk, kuasa atau entiti lebih tinggi yang dapat menentukan nasibnya. Beliau menasihati pengikut-pengikutnya supaya bernaung di bawah diri mereka sendiri dan jangan mencari perlindungan atau pertolongan di bawah naungan orang lain. Beliau mengajar, menggalak serta mendorong setiap orang untuk memperkembangkan kerohanian diri mereka sendiri dan mengusahakan pelepasannya sendiri daripada segala bentuk belenggu. Ini adalah kerana manusia mempunyai kebolehan untuk membebaskan dirinya melalui usaha, kebijaksanaan serta keupayaan dirinya sendiri.

Tujuan akhir umat Buddha adalah mencapai Nirvana/Nibbana, yaitu suatu kondisi terhentinya kelahiran kembali. Pada aliran Mahayana tujuan ini |diperluas| sebagai Bodhisatva yang berusaha menolong semua mahluk untuk bersama-sama menjadi Buddha.

5.5 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA PENDIDIKAN

Agama Buddha mengajar seseorang cara menenteramkan deria-deria dan menenangkan hati dan minda. Rahsia menenteramkan deria-deria ialah dengan melenyapkan hawa nafsu yang merupakan punca ketidakpuasan kita. Adalah penting untuk berpuas hati. Semakin banyak harta yang dikehendaki, semakin menderita seseorang itu. Harta tidak membawakan kebahagiaan kepada manusia, kebanyakan orang kaya di dunia ini menghadapi pelbagai masalah fizikal dan mental. Dengan semua duit yang dimiliki, mereka tetap tidak dapat membeli satu penyelesaian untuk masalah-masalah mereka. Sebaliknya, manusia paling miskin yang faham akan erti 'puas hati' mungkin akan lebih menikmati kehidupannya berbanding dengan orang yang paling kaya.

Apabila seseorang memahami sifat semula jadi manusia, beberapa kesedaran yang penting akan timbul. Dia akan menyedari bahawa dirinya tidak seperti batu, kerana manusia mempunyai potensi tersirat untuk mengembangkan nilai-nilai kearifan, belas kasihan dan kewaspadaan di dalam dirinya. Di mana perkembangan dan kemajuan ini akan mengubah dirinya. Seseorang yang berpeluang mendengar Dharma, memahami bahawa adalah tidak mudah untuk dilahirkan sebagai seorang manusia. Tambahan pula, apabila menyedari bahawa kehidupan hanyalah sementara, maka seseorang harus gigih mempraktik Dharma sementara dia masih berkeupayaan untuk melakukannya. Dia juga menyedari bahawa mempraktik Dharma adalah satu proses pendidikan seumur hidup yang berupaya membongkar potensi dirinya sebenar, yang selama ini terperangkap di dalam minda dikaburi oleh kejahilan dan ketamakan.

Berdasarkan kesedaran dan kefahaman ini, seseorang akan lebih berwaspada terhadap apa dan cara dia berfikir, bercakap dan bertindak. Dia akan mempertimbangkan sama ada fikiran, percakapan dan perbuatannya adalah berfaedah, dibuat dengan niat belas-kasihan dan membawa kebaikan kepada dirinya dan juga orang lain. Dia akan menyedari erti sebenar mengikuti jalan yang membawa kepada perubahan diri sepenuhnya, yang dikenali oleh Buddhis sebagai Jalan Mulia Lapan Faktor. Jalan ini boleh membantu mengembangkan nilai moral (*sila*) seseorang dengan menghindari perbuatan keji dan memupuk kualiti positif yang membawa kepada perkembangan mental, kerohanian dan diri sendiri. Tambahan pula, ia mengandungi banyak teknik yang boleh digunakan untuk menyucikan fikiran, mengembangkan seluruh keupayaan minda, dan membawa perubahan menyeluruh ke arah membentuk satu personaliti yang sempurna. Amalan perkembangan mental (*bhavana*) sebegini memperluas dan

memperdalamkan fahaman minda tentang semua pengalaman manusia, dan juga sifat semula jadi dan ciri-ciri segala fenomena, kehidupan dan alam semesta. Pendek kata, ia membawa ke arah perkembangan kearifan (*panna*). Apabila kearfannya timbul, kasih sayang, belas kasihan, kemurahan hati dan kebahagiaan juga turut timbul. Dia akan lebih berwaspada terhadap semua jenis kehidupan dan akan lebih memahami fikiran, perasaan dan motivasi dirinya.

Kemudian seseorang mungkin akan bertanya pula, 'Jika seseorang boleh mengikuti ajaran Buddha dalam kehidupan biasa, mengapa pula Buddha mengasaskan persaudaraan *Sangha*?' Persaudaraan tersebut memberi peluang kepada mereka yang ingin berbakti bukan setakat untuk pembangunan rohani dan intelek diri, tetapi juga untuk berbakti kepada orang lain. Agak mustahil untuk seorang insan biasa yang berkeluarga membaktikan seluruh hidupnya untuk kebaikan orang lain, tetapi seorang bhikkhu yang tidak mempunyai tanggungjawab keluarga atau ikatan dunia lain, berada dalam posisi yang lebih sesuai untuk membaktikan hidupnya 'demi kebaikan orang ramai'. (*Dr Walpola Rahula*)

Jadi apakah 'kebaikan' yang dapat diperolehi oleh orang ramai? Bhikkhu tidak dapat memberi keselesaan material kepada orang ramai, tetapi dia boleh memberi panduan kerohanian kepada mereka yang terganggu oleh masalah dunia, masalah emosi kekeluargaan dan sebagainya. Bhikkhu membaktikan hidupnya menuntut pengetahuan Dharma yang diajar Buddha. Dia menerangkan Ajaran Buddha dalam bahasa yang mudah serta ringkas kepada orang ramai. Sekiranya mereka telah terlatih, dia akan membincangkan aspek-aspek ajaran Buddha yang lebih mendalam supaya semua akan mendapat bermanfaat dari segi intelek.

Di negara-negara Buddhis, bhikkhu-bhikkhu ditugaskan untuk mendidik mudamudi. Ini menyebabkan negara-negara Buddhis tersebut mempunyai populasi yang fasih dan terpelajar dalam nilai-nilai kerohanian. Bhikkhu-bhikkhu juga memberi ketenangan kepada mereka yang menderita dan sedih dengan menerangkan bagaimana semua manusia tertakluk kepada kesengsaraan yang sama.

Pada masa yang sama, orang ramai diharap dapat memastikan kesempurnaan keperluan material para bhikkhu, kerana mereka tidak mempunyai sumber pendapatan yang dapat membekalkan dirinya dengan makanan, tempat perlindungan, perubatan dan pakaian. Dalam amalan Buddhis, sumbangan terhadap kesejahteraan hidup bhikkhu adalah berpahala kerana dengan berbuat demikian, ia membolehkan bhikkhu tersebut terus berjasa demi kesejahteraan orang ramai dan kesucian minda dirinya.

Sesetengah orang mungkin mendapati bahawa tinggal di kawasan yang terpencil adalah lebih sesuai untuk mempraktik Buddhisme; dalam erti kata lain, memenculkan diri daripada masyarakat orang ramai. Namun, orang lain mungkin mendapati pemencilan sedemikian membosankan dan melemahkan mereka dari segi fizikal dan mental. Oleh sebab demikian, ia mungkin tidak sesuai untuk perkembangan kehidupan kerohanian dan intelek mereka.

Meninggalkan kehidupan duniawi tidak bermakna melarikan diri secara fizikal daripada dunia ini. Sariputta, ketua pengikut Buddha, mengatakan bahawa seseorang mungkin tinggal di dalam hutan, mengabdikan diri kepada amalan pertapa, tetapi dia mungkin dipenuhi dengan fikiran tidak suci dan 'kekejian'. Seorang lagi mungkin tinggal di dalam kampung atau bandar, tidak mengamalkan disiplin pertapa, tetapi mindanya mungkin suci dan bebas daripada 'kekejian'. Sariputta, pengikut agung Buddha berkata,

'Di antara dua orang ini, dia yang menjalani kehidupan suci di dalam kampung atau bandar adalah jauh lebih baik dan mulia daripada yang tinggal di dalam hutan.'

(*Majjhima Nikaya*)

Adalah tidak salah menjalani kehidupan terpencil di suatu tempat senyap jauh daripada kebisingan dan gangguan. Tetapi, adalah lebih mulia dan tabah untuk mempraktik Buddhisme di kalangan orang ramai, membantu mereka dan berbakti kepada mereka. Dalam kes-kes tertentu, ia mungkin bermanfaat kepada sesetengah seorang memencarkan diri demi meningkatkan potensi minda dan perwatakannya. Ia juga merupakan permulaan kepada latihan moral, kerohanian dan intelek, supaya menjadi cukup kukuh untuk dia keluar semula dan membantu orang lain. Tetapi, jika seseorang menjalani seluruh hidupnya keseorangan, hanya memikirkan kebahagiaan dan pembebasan (salvation) diri, langsung tidak mengendahkan orang lain, ini sememangnya tidak selaras dengan ajaran Buddha yang berdasarkan belas kasihan dan berbakti kepada orang lain.

Selain itu, konsep vegetarian menjadi satu konsep yang penting dalam sumbangan Buddha kepada dunia kerohanian.

AHIMSA - tanpa kekerasan atau tanpa kekejaman

Buddha menasihatkan siswa-siswaNya mengamalkan kasih sayang suci bukan sahaja terhadap manusia tanpa mengira kasta, kepercayaan atau warna kulit tetapi juga kepada haiwan. Tiada seorang pun yang berhak memusnahkan nyawa makhluk hidup lain sebab nyawa adalah sesuatu yang sangat berharga kepada semua. Semasa kehidupan Buddha, pengorbanan binatang adalah satu amalan biasa di India. Semasa pengorbanan,

banyak binatang seperti kambing, lembu dan lain-lain dibunuh dan dipersembahkan kepada dewa-dewa dan dewi-dewi yang berlainan. Kadang-kala manusia pun dibunuh dan dipersembahkan. Mereka yang menjalankan pengorbanan-pengorbanan tersebut mempercayai bahawa dewa-dewa dan roh-roh yang berlainan itu akan berasa gembira dengan persembahan-persembahan tersebut. Selepas itu, mereka percaya mereka akan dikurniakan lebih banyak kebahagiaan serta kekayaan dan akan dilahirkan semula dalam syurga selepas mati. Buat kali pertamanya Buddhah yang menentang pengorbanan binatang dan menasihati siswa-siswaNya untuk menentang pengorbanan binatang dan untuk mengamalkan kasih sayang suci terhadap semua makhluk hidup.

Semangat bertoleransi adalah satu daripada kebudayaan dan tamadun Buddhis yang paling dihargai. Tidak terdapat satu contoh pun penganiayaan, Perang Jihad atau pertumpahan darah untuk menukar agama orang lain ke dalam Buddhism sejak 2,500 tahun dahulu. Memaksa orang lain untuk memeluk agama tidak terdapat dalam Buddhism.

Banyak sutta tentang keburukan yang bakal diterima hasil daripada membunuh dan akibat karmanya telah diberikan oleh Buddha. "SEMUA makhluk gentar pada saat kematian, semua makhluk takut kepada hukuman, ingatilah bahawa anda adalah seperti mereka dan jangan membunuh dan melakukan penyembelihan. Jika tiada apa juapun, walaupun hujah yang munasabah dapat menggerakkan hati nurani seseorang, biarlah perasaan bahawa semua makhluk hidup benar-benar sayang pada nyawa mereka menimbulkan perasaan belas kasihan dalam dirinya. Oleh itu, dengan perasaan belas kasihan ini, diharapkan dia dapat mempraktikkan Ahimsa." Begitulah Buddha bersabda. Pencerahan yang dibawa oleh ajaranNya menerangi jalan untuk manusia melepaskan diri

daripada belenggu samsara (kitaran hidup dan mati yang semula jadi) dan akhirnya mencapai Nibbana.

BELAS KASIHAN TERHADAP PESAKIT

Pada suatu hari, semasa Buddha sedang berjalan di dalam Vihara, beliau ternampak seorang Bhikkhu yang sakit tenat. Bhikkhu itu dibiarkan begitu sahaja sebab ia telah dihinggapi suatu penyakit kulit yang mengerikan. Buddha membantu merawat Bhikkhu yang sakit itu dengan tanganNya sendiri. Kemudian dalam suatu perhimpunan agama, Buddha menjelaskan kepentingan menghulur bantuan kepada mereka yang menderita. Beliau bersabda, "Sesiapa yang melayani pesakit juga melayani saya." Berdasarkan prinsip ini, Maharaja Asoka buat pertama kalinya dalam sejarah tamadun manusia menubuhkan hospital-hospital bukan sahaja untuk manusia tetapi juga untuk haiwan-haiwan. Beberapa sutta penting yang diajar oleh Buddha adalah berkaitan dengan rawatan kepada pesakit-pesakit.

5.6 ETIKA DALAM INSTITUSI / ARENA SOSOAL

Buddha bukan sahaja seorang guru agama tetapi juga seorang pengubah sosial sebab beliau mengkritik dan juga berusaha untuk menyingkirkan unsur-unsur sosial negatif yang berleluasa semasa zaman kehidupannya. Justeru itu, saya ingin membentangkan beberapa daripada sumbangan Buddha kepada umat manusia :-

TARAF WANITA

Buddha meningkatkan taraf wanita dan menyedarkan golongan wanita tentang kepentingan mereka terhadap masyarakat. Sebelum kelahiran Buddha, wanita tidak diberi kedudukan yang berpatutan dalam masyarakat. Mereka tidak dilayan dengan baik. Semasa abad keenam S.M. kaum wanita dikawal oleh pembatasan Brahmin yang ketat dan tempat mereka dihadkan kepada bilik dapur sahaja.

Buat kali pertamanya dalam sejarah dunia, Buddha mengasaskan *Sangha Bhikkhuni* dalam tahun ke-5 Pencerahan Kebuddhaan beliau. Dengan tertubuhnya Sangha Bhikkhuni, kaum wanita berupaya melepaskan diri daripada belenggu yang berkaitan dengan masyarakat India dahulu kala dan menikmati kebebasan sempurna. Oder ini ialah suatu kurniaan yang besar kepada mereka. Kaum wanita setelah memasuki Sangha Bhikkuni - permaisuri, puteri, janda, hamba wanita mahupun perempuan jalang semuanya adalah sama darjat tanpa mengira kasta atau pangkat mereka. Mereka mendapat ketenangan jiwa serta ketenteraman yang sempurna selepas memasuki Oder tersebut.

Pada suatu ketika, **Raja Kosala** berasa tidak puas hati sebab buat pertama kalinya, isteri beliau Permaisuri Mallika melahirkan seorang anak perempuan. Raja itu menganggap bahawa adalah bernasib buruk untuk mendapat seorang anak perempuan. Buddha telah menolak dakwaan tersebut dengan mengatakan, "O! Sang Raja, seorang anak perempuan mungkin kelak nanti terbukti lebih mulia daripada seorang anak lelaki." Ini menunjukkan bahawa Buddha memberikan suatu kedudukan yang tinggi kepada wanita pada 25 abad yang lalu.

Kesimpulannya sumbangan Buddha adalah besar, kita boleh nampak bahawa

penentangan sistem kasta, kebebasan berfikir, taraf wanita, belas kasihan terhadap pesakit, tanpa kekerasan (Ahimsa), tanggungjawab ke atas diri sendiri (berdikari), toleransi agama dan sepuluh tugas-tugas seseorang pemerintah adalah beberapa daripada sumbangan Buddha kepada umat manusia. Kejayaan setengah-setengah idea ini dalam dunia hari ini telah menampakkan kepentingan sumbangan Buddha kepada umat manusia.

NOTA:

1. Gunapayuta, *A Pictorial Biography Of Sakyamuni Buddha*, Published By The Penang Buddhist Association.
2. Rev. Siridhamma, *The Life Of The BUDDHA*, Donated By Kwan Inn Teng Foundation, Petaling Jaya.
3. Majalah: *Unisains Buddhist 98/99*, USM, Malaysia.
4. Dharma Master Cheng Yen, *Ten Thousand Lotus Blossoms Of The Heart*, Printed By The Tzu Chi Buddhist Cultural Center.
5. <http://dhamma-bm.tripod.com/buku/SUMBANGAN.htm>
6. <http://dhamma-bm.tripod.com/pdf/>
7. <http://mission.swim.org/malay/book/salah3.html>
8. <http://www.geocities.com/Athens/Crete/6468/artikel131.html>
9. <http://www.mail-archive.com/eskol@mitra.net.id/msg00054.html>
10. http://www.eco1.upm.edu.my/~amin/tamadun_asia/nota_kuliah/kuliah7.htm
11. <http://www.ksridhammananda.com/882003/Apakah-Agamaini--->
12. <http://www.beliathai.org.my/agama/buddhist.asp>.
13. <http://www.tzuchi.org.tw>
14. <http://www.fgs.org.tw/edu/tsl>

15. <http://dhamma-bm.tripod.com/doc/>

6. KESIMPULAN DAN KRITIKAN-KRITIKAN

Agama adalah ekspresi seorang manusia yang berusaha, bersimpati, membawanya ke arah kesedaran diri dan berkelakuan baik. Agamalah yang mengajarkan manusia bermoral dan beretika dalam segala perbuatan dan kelakuan dirinya.

Sejak zaman dahulu, orang cina telah menganut agama. Kepercayaan-kepercayaan itu telah diwariskan sehingga ke zaman sekarang. Kepercayaan-kepercayaan itu baik seperti Falsafah Confucius, Daoisme atau Buddhisme berdiri teguh dalam hati para penganutnya. Begitu juga dengan mereka yang beragama Kristian dan Islam. Hal ini demikian kerana semua ajaran agama mengajarkan unsur-unsur baik serta mendorong manusia berbuat baik dan menjauhkan diri daripada perbuatan jahat.

Bagi *Agama Congfucius*, ia terdiri daripada dua asas. Asas pertama ialah ren yang bererti perhubungan di antara manusia dengan manusia, iaitu bersifat ren terhadap semua insan. Ini boleh juga ditafsirkan sebagai etika Kongfucu. Hakikatnya ialah jika pemerintah tahu memperlakukan rakyatnya dengan baik, dan sebaliknya; atau jika suami tahu mamperlakukan isterinya dengan baik, dan sebaliknya; atau jika ayah tahu memperlakukan anak-anaknya dengan baik, dan sebaliknya, maka kehidupan manusia akan berbahagia di serata dunia.

Confucius sangat menekankan etika bermoral tentang konsep ‘ren’, ‘xiao’, ‘li’, ‘yi’, ‘chong’, ‘xing’ dan ‘junzi’. Kongfucu berkata, "Janganlah berbuat terhadap sesiapa pun apa yang kamu tidak mahu orang berbuat kepadamu." Inilah asas agama sekali.

Asas kedua ialah thian dalam bahasa Cina, yang bererti langit atau syurga. Ini boleh juga ditafsirkan sebagai tuhan atau ilah.

Dalam sistem Confucius dan juga Mengzi, semua perbuatan yang bermoral mesti dilakukan untuk nilai intrinsiknya (dan bukan untuk mencapai sesuatu tujuan seperti mendapat keuntungan). Oleh kerana perbuatan yang bersifat yi (keadilan dan kewajaran) dan (sikap berperikemanusiaan) merupakan perbuatan yang moral, maka perbuatan yang bersifat yi atau ren merupakan perbuatan yang dilakukan hanya untuk nilai intrinsipnya.

Perbuatan moral yang lain (xiao, li dan chong) mesti juga dilakukan untuk nilai intrinsiknya (dan hanya untuk nilai intrinsiknya). Jadi setiap perbuatan itu mesti dilakukan untuk nilai intrinsiknya, tanpa sasaran dan tujuan yang lain. Tetapi terdapat suatu dakwaan yang nampaknya bertentangan dengan tafsiran ini. Terdapat pengulas falsafah Confucius yang menegaskan moraliti mempunyai tujuan tertentu, iaitu untuk mencapai keadaan harmonis atau kemesraan dalam masyarakat.

Nampaknya terdapat penentangan antara dakwaan bahawa setiap perbuatan moral mesti dilakukan untuk nilai intrinsiknya dengan dakwaan bahawa setiap perbuatan moral berfungsi untuk mencapai keadaan harmonis dalam masyarakat. Tetapi sebenarnya tiada pertentangan antara dua pendapat atau dakwaan tersebut. Contohnya seorang penari yang menganggap setiap langkah dalam tariannya sebagai penting dan sebagai suatu yang perlu dilakukan untuk nilai tersendirinya. Tetapi setiap langkah itu juga menjadi sebahagian daripada seluruh teriannya, yang menjadi tujuan utama (mungkin tujuan muktamad)

penari itu. Dengan cara yang sama, kita boleh mengatakan bahawa setiap perbuatan yang bersifat ren, yi, xiao, li, chong, xing atau junzi mesti dilakukan untuk nilai tersendirinya, walaupun setiap perbuatan itu juga menjadi sebahagian daripada keadaan harmonis; dan keadaan harmonis menjadi tujuan muktamad setiap perbuatan yang bersifat moral. Jadi setiap perbuatan moral merupakan suatu tujuan utama kita, manakala mencapai kebahagian atau harmonis merupakan tujuan muktamad dalam kehidupan kita. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa ajaran Confucius telah mempertingkatkan moral dan menjaga etika manusia.

Bagaimana pula dengan Agama Lao Tzu atau *Agama Daoisme*? Menurut Tao The Ching, kitab ajaran Lao Tzu, bab 1, ayat 1, sebagaimana yang diterjemahkan ke dalam bagasa Inggeris oleh John C H Wu, terdapat demikian,: "Tao can be talked about, but not the eternal Tao." Lebih lazim lagi difahami sebagai berikut: "Tao (iaitu 'jalan' menurut falsafah Lao Tzu) yang tulen tidak sekali-kali dapat diketahui oleh manusia." Inilah kata-kata awal beliau. Apapun selanjutnya dibentangkan beliau dalam TaoThe Ching, akhirnya terpulang pada ayat pengakuan ini.

Suatu imej yang selalu diberikan dan disampaikan oleh pakar-pakar Daoisme ialah air; ini kerana air merupakan suatu bahan yang agak tersembunyi dan penuh misteri, oleh demikian air menjadi suatu symbol bagi semuaperkara yang dikagumi oleh pengikut fahaman Daoisme. Air merupakan sesuatu yang diperlukan oleh semua makluk hidup, walaupun demikian ia mengalir ke titik dan tempat yang rendah sekali dan kemudian bercantum dengan tanah¹ ... (Bagi seorang pakar Daoisme) kebaikan yang tertinggi adalah seperti air.

Kekuatan dan ‘kelebihan’ air ialah bahan ini memberi faedah kepada sepuluh makhluk hidup; walaupun demikian air tidak merebut atau bergerak secara cepat, tetapi mengalir secara perlahan ke tempat dan kawasan yang manusia tidak suka pergi. Inilah sifat yang menjadikan air sebagai unsur yang paling dekat dengan Jalan (iaitu Dao).²

Seseorang pengikut fahaman Daoisme akan mengaplikasikan cara Dao kepada kehidupan seharian. Dia menjadi seorang yang sudah memahami inti kuasa Dao dan oleh itu dia melakukan sesuatu yang perlu dilakukan tanpa sebarang usaha atau tenaga. Dia boleh menjalankan tugas-tugasnya dengan cukup kemahiran, kecekapan dan kehalusan, sehingga dia tidak memerlukan sebarang usaha atau daya upaya dalam aksinya. Itulah maksud mempunyai kebolehan wu-wei. Dan cara wu-wei ini jauh lebih berkesan daripada perbuatan yang memerlukan usaha dan tenaga. Perbandingan dibuat antara cara wu-wei dengan cara dan sifat air. Mengikut Gung-Hsing Wang:

“Air memelihara semua makhluk hidup, tetapi ia tidak berlawan atau bertentangan dengan sebarang unsur dalam universe ini. Nampaknya air itu sesuatu unsur yang lemah dan lembut, dan ia juga pasif dan mudah mengalir, seperti sifat perempuan (sifat Yin). Tetapi jika kita memerhatikan gerakan air secara teliti, kita akan melihat bagaimana air mengalir dari kemuncak gunung-gunung kemudian menjadi sungai yang kuat dan besar, dan air mengikis dan menghanyutkan ketul batu yang besar dan juga segala rintangan dengan mudah (dan tanpa sebarang usaha) dan ia juga membina lembah besar di perkakian gunung. Di sini gerakan air adalah seperti gerakan lelaki (sifat Yang). Jadi sifat air adalah seperti Dao; ini kerana air menyembunyikan kuasa sebenarnya yang merupakan kuasa ‘lelaki’ dan ia hanya menunjukkan dan mendedahkan ‘kelemahan seorang perempuan’. Seseorang pengikut fahaman Daoisme akan mengaplikasikan

prinsipini; dia akan memahami ciri-ciri manusia yang sebenar, dan dia akan meneruskan kehidupannya secara mudah dan tanpa berusaha, walaupun segala kegiatannya masih konstruktif, seperti cara air mengalir dari gunung-gunung ke tanah yang rendah.³

Segala kegiatan dan perbuatan kita (dan segala kehidupan kita) haruslah seperti gerakan air. Jadi suatu analogi atau perbandingan dibuat antara sifat air dengan perbuatan dan kegiatan yang selaras dengan prinsip Dao.

Sekarang Bagaimana pula dengan *Agama Buddha*? Agama Buddha berasal dari India dan sampai ke negara China pada tahun 399 S.M. oleh seorang sami yang bernama **Fa Hsien**. Sejak masa itulah hingga masa kini banyak orang cina menganut agama Buddha. Ajaran Buddha juga menyeru penganutnya supaya beretika baik, bermoral dan menjauhi perbuatan jahat.

Agama Buddha terdiri daripada empat asas, iaitu pertama, kesakitan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan atau usia tua, atau sakit-penyakit dan maut. Kedua, kesakitan ialah akibat hawa nafsu manusia sendiri di dalam kehidupan sekarang dan yang lepas. Ketiga, kesakitan hanya boleh diatasi dengan perantaraan Nirvana. Dan keempat, untuk mengalami Nirvana, hawa nafsu manusia mesti ditekan sehabis-habisnya demi penyangkalan diri sendiri.

Asas-asas agama Buddha ini ada kebenarannya sendiri. Yang perlu kita insaf ialah Nirvana bererti kekosongan mutlak. Sudah tentu jika hawa nafsu ditekan habis-habis dengan jalan penyangkalan diri, kesudahannya ialah kekosongan. Demi kekosongan itu memang tiada lagi terdapat kesakitan atau penderitaan.

Disamping itu, agama Buddha juga mengajar seseorang cara menenteramkan deria-deria dan menenangkan hati dan minda. Rahsia menenteramkan deria-deria ialah dengan melenyapkan hawa nafsu yang merupakan punca ketidakpuasan kita. Adalah penting untuk berpuas hati. Semakin banyak harta yang dikehjarnya, semakin menderita seseorang itu. Harta tidak membawakan kebahagiaan kepada manusia, kebanyakan orang kaya di dunia ini menghadapi pelbagai masalah fizikal dan mental. Dengan semua duit yang dimiliki, mereka tetap tidak dapat membeli satu penyelesaian untuk masalah-masalah mereka. Sebaliknya, manusia paling miskin yang faham akan erti 'puas hati' mungkin akan lebih menikmati kehidupannya berbanding dengan orang yang paling kaya. Bak bunyi sajak berikut:

' Ada yang berharta banyak tapi masih kepingin
Aku tiada berharta tapi tidak kepingin ;
Walau banyak dimiliki tapi mereka miskin
Sedikit aku miliki tapi aku kaya.
Mereka miskin, aku kaya;
Mereka meminta, aku memberi;
Mereka kekurangan, aku kecukupan;
Mereka merana, aku terus hidup. '

Selain itu, agama Buddha juga menyeru pengikutnya supaya tidak bersikap sompong atau menjaga kepentingan diri sahaja. Sebaliknya harus senantiasa saling tolong-menolongi atau membantu mereka yang memerlukan serta selalu merendahkan diri dalam kehidupan. Bak bunyi puisi berikut:

Makin Berisi Makin Tunduk

Padi di sawah
Tiba masa untuk dituai
Tunduk penuh berisi
Menari bersama angin sepoi-sepoi

Tidak tonjol seribu warnanya
Tiada sorak-serai yang menyambutnya
Tiada juga angkuh atas penampilannya

Dia isi perut yang berkeroncong
Dia restu kedahagaan manusia
Dia redai sikap tamak haloba
Dia bawa suasana aman bahagia

Dia sentiasa rendahkan diri
Sebab dia sedar kewujudannya
Hasil kesungguhan pak tani
Serta sinaran sang suria, udara, air dan garam mineral

Semua ini saling berkait dan bergantungan
Hingga wujud satu dunia samsara

Kita manusia yang kononnya paling berakal
Patut sentiasa mengenang jasa
Pada masa yang sama
Penuhi keperluan orang di sekeliling kita

Dalam agama Buddha, moral dan etika sangat dititikberatkan dan penegakkan moral dalam pengembangan diri manusia. Buddha menekankan untuk menegakan moral

atau menjalankan sila iaitu hidup bersusila; iaitu kita jangan berbuat jahat sebaliknya berbuatlah kebaikan serta menyucikan hati dan fikiran. Inilah inti ajaran Buddha. Sila atau moralitas dalam agama Buddha adalah untuk menghentikan dukka, disamping pengucapan benar (sammavacca), perbuatan benar (samma kammanta), dan mata pencarian benar (sama Ajiva).

Perbuatan manusia dalam agama Buddha juga diatur didalam hukum karma atau sebab-sebab akibat perbuatan. Tidak diangkasa, ditengah lautan ataupun didalam gua-gua gunung; tidak dimanapun seseorang dapat menyembunyikan dirinya dari akibat perbuatan-perbuatan jahatnya.(Dhammapada 127). Dinyatakan bahawa perbuatan baik (kusala kamma) akan mendatangkan kebahagiaan dan perbuatan buruk (akusala kamma) akan menghasilkan penderitaan. Kesedaran adalah jalan menuju kekekalan.

Sebagai kesimpulan, semua agama adalah baik dan bermanfaat serta tidak dapat berpisah daripada manusia. Agama-agama semuanya menyeru orang supaya bersikap dan beretika baik; baik untuk diri dan juga orang lain. Boleh dikatakan agama yang bermanfaat kepada manusia adalah agama yang bersumbangan besar kepada bangsa dan negara. Di Malaysia, kita bersyukur dan berterima kasih kerana Malaysia negara demokratik dan rakyat bebas beragama. Kita saling hormat-menghormati dan saling Bantu-membantui, kita juga sama-sama beretika baik dan menuju ke arah kemajuan dan keharmonian.

Disamping itu Agama sebagai umat yang lahir dari tradisi dan pengalaman religius sosial bersama seharusnya tidak bisa menerima situasi pertikaian dan peperangan. Asas-asas pokok semua agama di dunia adalah mengusahakan kebenaran, keadilan dan perdamaian sejati. Setiap agama seharusnya tidak bisa menerima

kebohongan, ketidakadilan, dan persengketaan yang memecahkan persaudaraan serta kehidupan bersama. Seperti pemerintah, lembaga-lembaga agama, melainkan terutama dari kesediaan dan keterlibatan tokoh-tokoh agama untuk memperjuangkan perdamaian melawan permusuhan yang merobek-robek persaudaraan, kebenaran melawan penipuan, keadilan melawan ketidakadilan. Membangun kehidupan beragama secara benar dan bertanggung jawab akan diuji oleh kesetiaan kita memperjuangkan nilai-nilai keadilan, cinta kasih, perdamaian, dan persaudaraan sejati. Jadi cita-cita perdamaian mempunyai implikasi sosial yang luas bagi kehidupan beragama kita.

NOTA:

1. A. Waley. "Chinese metaphysics". Understanding the Chinese Mind: the Philosophical Roots. Ed. Robert E. Allison. Oxford, Hong Kong: Oxford University Press, 1993, m.s. 169. Terjemahan pengarang.
2. A. Waley. Ibid., m.s. 169. Terjemahan pengarang.
3. Gung-Hsing Wang. The Chinese Mind. Weatport, Connecticut: Greenwood Press, 1971, m.s. 71. Terjemahan pengarang.

BIBLIOGRAFI

1. Gunapayuta, *A Pictorial Biography Of Sakyamuni Buddha*, Published By The Penang Buddhist Association.
2. Rev. Siridhamma, *The Life Of The BUDDHA*, Donated By Kwan Inn Teng Foundation, Petaling Jaya.
3. Majalah: *Unisains Buddhist 98/99*, USM, Malaysia.
4. Dharma Master Cheng Yen, *Ten Thousand Lotus Blossoms Of The Heart*, Printed By The Tzu Chi Buddhist Cultural Center.
5. Haji Yusuf Liu Baojun, *Perkembangan Masyarakat China Muslim Di Dunia*, Terjemahan oleh Datin Zuraidah bt. Ahmad Murad. Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia.
6. Shirley Hew, *Budaya Serata Dunia China*, terjemahan daripada Cultures of the word: China. Dicetak oleh Kim Hup Lee Printing Co Pte Ltd.
7. Herrlee G.Creel. Chinese Thought: From Confucius to Mao Tse-Tung. Chicago: The University of Chicago Press, 1975.
8. Leonard S. Hsu. The Political Philosophy of Confucianism. London: George Routledge & Sons, Ltd., 1932.
9. Fung Yu-Lan. A shout history of Chinese philosophy.Ed.bodde, Derk. New York: The Free Press, 1966.
10. Gung-Hsing Wang. The Chinese Mind. Westport, Connecticut: Greenwood Press, 1971.
11. Fung Yu-Lan. A history of Chinese philosophy, vol. 1.Princeton: Princeton University Press, 1973
12. Aristotle. Nicomachean Ethics.
13. D.C.Lau, Confucius: The Analects (London: Penguin Book, 1979).
14. Mencius, Mencius (tajuk karya), terjemahan pengarang dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris (London: Penguin Books, 1970). Terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.
15. Konfucius, The Analects, terjemahan James Legge dari bahasa Cina klasik ke bahasa Inggeris dan terjemahan pengarang dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.

16. Bamber Gascoigne. The Treasures and Dynasties of China. London: Jonathan Cape Ltd., 1973.
17. John D. La Plante. Asian Art. Edisi ketiga. Wm. C. Brown Publishers, 1982, Terjemahan pengarang.
18. A. Waley. "Chinese metaphysics". Understanding the Chinese Mind: the Philosophical Roots. Ed. Robert E. Allison. Oxford, Hong Kong: Oxford University Press, 1993. Terjemahan pengarang.
19. Gunapayuta, *A Pictorial Biography Of Sakyamuni Buddha*, Published By The Penang Buddhist Association.
20. Rev. Siridhamma, *The Life Of The BUDDHA*, Donated By Kwan Inn Teng Foundation, Petaling Jaya.
22. Majalah: *Unisains Buddhist 98/99*, USM, Malaysia.
23. Dharma Master Cheng Yen, *Ten Thousand Lotus Blossoms Of The Heart*, Printed By The Tzu Chi Buddhist Cultural Center.
24. <http://dharma-bm.tripod.com/buku/SUMBANGAN.htm>
25. <http://dharma-bm.tripod.com/pdf/>
26. <http://mission.swim.org/malay/book/salah3.html>
27. <http://www.geocities.com/Athens/Crete/6468/artikel131.html>
28. <http://www.mail-archive.com/eskol@mitra.net.id/msg00054.html>
29. http://www.eco1.upm.edu.my/~amin/tamadun_asia/nota_kuliah/kuliah7.htm
30. <http://www.ksridhammananda.com/882003/Apakah-Agamaini--->
31. <http://www.beliathai.org.my/agama/buddhist.asp>.
32. <http://www.tzuchi.org.tw>
33. <http://www.fgs.org.tw/edu/tsl>
34. <http://dharma-bm.tripod.com/doc/>

LAMPIRAN